

Transformasi Minda

The Future Mind

Transformasi Minda
The Future Mind

ISBN 978-983-3109-52-4



Transformasi Minda

Memeta Wawasan Melaksana Amanah

The Future Mind

Mapping The Future, Delivering The Trust

Najib Tun Razak

Transformasi Minda

Memeta Wawasan Melaksana Amanah

The Future Mind

Mapping The Future, Delivering The Trust

Najib Tun Razak



Penaung

Tan Sri Mohd. Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara

Penyelaras

Prof. Datuk Hj. Khairil Annas Jusoh
Pegawai Khas kepada
Perdana Menteri
Mazri Muhammad
Pegawai Khas kepada
Perdana Menteri
Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Sidang Editor

Ketua Editor

Dato' Dr. Muhamad Hamzah
Pengarah INTAN

Editor

Dr. Alauddin Sidal
Ooi Seong Kang

Penolong Editor


Dr. Kadeessa Abdul Kadir
Sheila Bavanandam
Ho Hsin Hung
Halit Alias
Siti Meriam Hussein
Madzida Abdul Kadir

Foto

Laman Web Rasmi
Pejabat Perdana Menteri
Jabatan Penerangan Malaysia

Cetak

Unit Cetak INTAN



RASIONAL REKABENTUK KULIT

Transformasi minda membawa kita
merentasi segala sempadan tanpa
sebarang batasan.

COVER RATIONALE

A transformed mind knows no
boundaries. It transcends beyond
limitations.

© Hak cipta Institut Tadbiran Awam
Negara (INTAN), 2010

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan
mengeluar ulang mana-mana bahagian
daripada kandungan buku ini dalam
apa jua bentuk dan dengan apa cara
pun sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanikal rakaman atau lain-
lain sebelum mendapat izin bertulis
daripada Pengarah, Institut Tadbiran
Awam Negara (INTAN).

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Transformasi minda: memeta wawasan
melaksana amanah The future mind:
mapping the future, delivering the trust

ISBN 978-983-3109-51-7
ISBN 978-983-3109-52-4 (kkt.)

1. Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Dato' Sri, 1953-.
2. Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Dato' Sri, 1953---
Quotations.
3. Prime Minister's--Malaysia--
Quotations. I. Judul: The future
mind. 089.9923



Diterbitkan oleh

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia
www.intanbk.intan.my

Buku ini mengandungi ucapan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI) dan kompilasi dalam dwibahasa ungkapan yang dipetik dari ucapan-ucapan beliau yang terakam di laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri, keratan akhbar, sidang media, *press releases* dan blog peribadi 1Malaysia. Petikan-petikan ungkapan ini disusun mengikut lapan tonggak perdana yang dicetuskan YAB Perdana Menteri ketika berucap di MAPPA XI pada 9 Mac 2010.

Paparan dalam buku ini membolehkan para pembaca, khususnya penjawat awam memahami gagasan pemikiran YAB Perdana Menteri dalam menerajui perubahan negara. Dalam era perubahan yang pantas, penjawat awam seharusnya memiliki *attitude of mind* serta arca minda yang kreatif dan inovatif bagi menghadapi cabaran masa depan dalam pentadbiran awam negara. Keupayaan ini membolehkan penjawat awam menghayati gagasan pemikiran kepimpinan tertinggi negara dan seterusnya menterjemahkan visi yang terangkum dalam kelapan-lapan tonggak perdana tersebut dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Pengumpulan bahan dan penerbitan buku ini telah dilakukan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), dengan kerjasama Pejabat Ketua Setiausaha Negara serta bantuan dari Jabatan Penerangan Malaysia.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia

This book contains the speech by Prime Minister, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak during the 11th Civil Service Convention (MAPPA XI) and compilation of Malay and English excerpts from speeches sourced from the Prime Minister's official website, newspaper reports, press conferences, press releases as well as from Prime Minister's personal 1Malaysia blog. These excerpts are organised along the eight pillars of transformation that were elaborated during the MAPPA XI on 9th March 2010.

This book will enable readers especially civil servants, to understand the vision of the Prime Minister in driving change for the nation. In this era of rapid change, civil servants should possess the "attitude of mind" as well innovative and creative thinking to face future challenges in the public service. This will allow civil servants to internalise the Prime Minister's vision embodied in the eight transformation pillars when implementing government policies.

The publication of this book by INTAN was made possible with the collaboration of the office of the Chief Secretary to the Government and the Department of Information, Malaysia.

**National Institute of Public Administration (INTAN)
Public Service Department
Malaysia**

KANDUNGAN

BERTINDAK MENCAPAI VISI	vi
MEMETA WAWASAN MELAKSANA AMANAH (LAPAN TONGGAK PERDANA PENTADBIRAN)	1
EMPAT TIANG UTAMA	
TIANG UTAMA PERTAMA: 1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN	28
TIANG UTAMA KEDUA: PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN	63
TIANG UTAMA KETIGA: MODEL EKONOMI BARU	86
TIANG UTAMA KEEMPAT: RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH	114
EMPAT NILAI ASAS PELENGKAP	
NILAI ASAS PELENGKAP PERTAMA: MEMBUDAYAKAN KREATIVITI DAN INOVASI	122
NILAI ASAS PELENGKAP KEDUA: MEMENTINGKAN KEPANTASAN BERTINDAK DAN MEMBUAT KEPUTUSAN	140
NILAI ASAS PELENGKAP KETIGA: NILAI UNTUK WANG ATAU <i>VALUE FOR MONEY</i>	151
NILAI ASAS PELENGKAP KEEMPAT: NILAI INTEGRITI	157

BERTINDAK MENCAPAI VISI

YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri telah menggariskan visi yang jelas ke arah pencapaian sebuah negara maju yang mengutamakan kesejahteraan rakyat. Komitmen beliau ialah supaya tiada siapa pun di pelosok mana di bumi Malaysia ini, malah yang berada di luar negara, akan merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada manfaat arus kemajuan. Bagi mencapai visi ini, kerajaan telah meletakkan kepercayaan penuh kepada seluruh anggota perkhidmatan awam untuk sama-sama memenuhi janji dan memberikan sepenuh komitmen bagi menjayakan lapan tonggak perdana yang menunjangi agenda pembangunan negara.

Ke arah memperkasakan kesejahteraan kehidupan rakyat, gagasan “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan Program Transformasi Kerajaan menjadi fokus utama pencapaian jentera perkhidmatan awam. Dua tonggak ini, disokong oleh Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, merupakan asas utama yang perlu didokong oleh jentera perkhidmatan awam dalam memberikan khidmat kepada rakyat menuju destinasi sebuah negara yang berpendapatan tinggi dan maju menurut acuan sendiri.

Dalam hal ini, anggota perkhidmatan awam perlu melaksanakan transformasi cara berfikir dan bertindak bagi mempercepatkan perubahan landskap sosioekonomi negara. Kepantasan membuat keputusan dan kesegeraan

pelaksanaan perlu menjadi pegangan dan amalan anggota perkhidmatan awam. Pembangunan minda kreatif serta minat yang tinggi terhadap inovasi perlu disemarakkan bagi menerokai kaedah terbaik untuk memenuhi kehendak pelanggan, di samping mengoptimumkan prinsip *value for money*. Kesemua mekanisme tersebut yang dilengkapi dengan integriti akan memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati segera dan dapat disalurkan secara saksama kepada setiap rakyat.

Justeru itu, saya mengajak semua anggota perkhidmatan awam untuk menerapkan prinsip kepantasan bertindak menerusi perubahan pemikiran dan kaedah bekerja, seiring dengan inovasi dan pembaharuan yang berterusan. *Insya Allah*, jika lapan tonggak perdana garapan Perdana Menteri yang terkandung dalam buku ini dapat dihayati dan dilaksanakan, ia akan memandu para penjawat awam, rakyat dan negara ke arah masa depan yang dicita-citakan bersama.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'MSL', followed by a horizontal line.

TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN
Ketua Setiausaha Negara

ACTING ON A VISION

YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, the Prime Minister has outlined a clear vision to achieving a developed nation status which prioritises the wellbeing of its people. His commitment is that no Malaysian, at home or abroad, should feel left out from Malaysia's progress. To achieve this vision, the government has entrusted the public service to discharge and implement its pledge in realising the eight transformational pillars for the nation's development agenda.

The "1Malaysia, People First, Performance Now" vision and the Government Transformation Programme are the prime focus of the government. These two pillars, supported by the New Economic Model and the Tenth Malaysia Plan, form the main foundation of the public service delivery culture today in ensuring the people achieve a high-income and developed nation status in its own mould.

In supporting this, public officials have to transform the way we think and act. We must do so to accelerate the changes in the socioeconomic landscape of the country. The speed at which decisions are made and actions implemented must be the overarching principles and practices of all public officials. The development of the creative mind and the passion for innovation are encouraged and must be nurtured to maximise customer satisfaction whilst ensuring "value for money" service delivery. These mechanisms, augmented by unyielding sound integrity, will ensure that

Malaysia's prosperity is achieved swiftly and channelled equitably to all segments of society.

Accordingly, I urge all public officials to internalise the mantra of swift action through constructive thinking and work practices. There must be innovation and continuous improvements in how we deliver our service, even the smallest of them. *Insyah Allah*, in espousing and implementing the Prime Minister's vision contained in this book, will lead public officials, the people and the nation towards a future that we all aspire.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'MSL', is written above a solid horizontal line.

TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN
Chief Secretary to the Government



Perkhidmatan Awam Menjamin Keutamaan Pencapaian"

Amanat oleh:

Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

9 Mac 2010

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



**‘Cabaran kepada sebuah
kerajaan yang bertanggungjawab
adalah untuk mengekalkan
keseimbangan agar perpaduan
nasional mampu terus tumbuh
dan mekar.’**

Lapan Tonggak Perdana Pentadbiran

MEMETA WAWASAN MELAKSANA AMANAH

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT. kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua telah memungkinkan saya bertemu muka dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) buat kali yang kesebelas ini. Sesungguhnya interaksi dengan pegawai kanan pelbagai sektor dalam perkhidmatan awam seumpama ini amat wajar untuk membolehkan gagasan, hasrat dan jangkaan Kerajaan dapat dikongsi secara terus dan tulus.

Matlamat gagasan 1Malaysia adalah perpaduan nasional. Inilah matlamat yang menjadi cita-cita dan aspirasi semua warga Malaysia semenjak dahulu lagi.

Justeru, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara, juga kepada YBhg. Tan Sri Ismail Adam selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang telah mengaturkan ruang dan kesempatan ini untuk saya menyampaikan pandangan dan pesanan sebagai panduan kepada kita semua dalam menggalas tanggungjawab selaku anggota pentadbiran dan penjawat awam.

Terutamanya juga saya ingin mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada seluruh anggota perkhidmatan awam atas komitmen dan pencapaian cemerlang yang dicatatkan sepanjang tahun 2009. Apa yang lebih mustahak, saya dapati adalah kesungguhan para pegawai awam untuk terus memahami dan mendukung hasrat Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Para bijak pandai menyebut, “di mana ada kemahuan, di situ ada jalan”. Lantaran, di peringkat perencanaan saya menyaksikan sendiri iltizam luar biasa penjawat awam semasa sesi percambahan idea makmal NKRA yang telah berlarutan sehingga awal pagi. Di sudut lain, di peringkat pelaksanaan, rangkaian Klinik 1Malaysia yang saya kemukakan semasa pembentangan Bajet pada bulan Oktober tahun lalu, Alhamdulillah telah pun menjadi realiti pada minggu pertama tahun ini apabila hampir 50 buah klinik telah mula beroperasi. Hakikat ini telah berjaya menyuntik kepercayaan tinggi rakyat terhadap perkhidmatan awam dan juga membuktikan bahawa jika ada tumpuan, ketanggungan dan motivasi tinggi, sebarang kerja dan cita-cita dapat dilunaskan.

Di persimpangan ini, satu persoalan pokok yang perlu ditanya dan diperoleh jawapannya untuk terus bergerak ke hadapan sebagai sebuah negara ialah, apakah sebenarnya sebuah kerajaan yang baik? Nyatanya, kerajaan secara asas adalah mekanisme kolektif rakyat, bagi melaksanakan aspirasi yang tidak dapat dilakukan dengan berkesan secara bersendirian seperti memelihara keselamatan, memastikan kebajikan dan mencipta kemakmuran. Pada dasarnya lagi, kerajaan berdaya maju adalah kerajaan

yang terus berusaha untuk menyediakan ekosistem terbaik agar setiap warga dapat mengembangkan potensi dan bakat mereka secara optimum.

Oleh yang demikian, saya ingin perelaskan dua prinsip penting kepada pentadbiran ini. Pertamanya, saya mahukan kehidupan rakyat hari ini lebih baik daripada hari semalam dan kehidupan mereka pada masa depan akan lebih baik lagi daripada hari ini. Ke arah matlamat tersebut, kerajaan perlu terus mengkhidmati rakyat dengan memakmurkan kehidupan serta memelihara kebajikan mereka.

Sekalipun kerajaan tidak mempunyai jawapan terhadap semua persoalan, namun dalam konteks sejarah negara Malaysia telah terbukti selama ini kerajaan yang memerintah berjaya menangani aspirasi rakyat terbanyak. Sejak sekian lama, kerajaan bersungguh untuk mewujudkan ekosistem terbaik bagi merealisasikan hasrat menjadi sebuah negara maju serta berpendapatan tinggi.

Keduanya pula, adalah untuk menggerakkan ekonomi negara dan meletakkannya kembali atas landasan pertumbuhan yang sihat serta mapan. Matlamat ini telah menemui kejayaan awal yang memberangsangkan apabila kesan dua pakej *stimulus* fiskal telah mengembalikan pertumbuhan ekonomi negara kepada daerah positif, bermula suku keempat tahun 2009 daripada penguncupan tiga suku berturut-turut sebelumnya.

Di kesempatan ini, sayugia saya merakamkan penghargaan kepada para penjawat awam yang telah menjayakan kedua-dua pakej *stimulus* ini dengan tindakan yang pantas dan



‘Kesetiaan para penjawat awam
adalah *sine qua non* kepada
kewujudan pentadbiran.’

berkesan. Syabas dan tahniah. Mustahaknya, kejayaan ini perlu dipertahan dan diperkukuhkan lagi bagi menetapkan kita berada di garis yang betul dalam merealisasikan wawasan nasional.

Secara keseluruhannya, harus barang diingat, dalam konteks aspirasi nasional untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi ini, kerajaan akan melaksanakan pembaharuan dan perubahan secara lonjakan berganda, bukan lagi secara berdikit-dikit tanpa pula, mengenyakan agenda keadilan sosial.

Pemupukan perpaduan nasional tidak berlaku dalam situasi yang bersifat utopia.

Meniti di atas dua prinsip yang saya nyatakan itu, sebagai satu pentadbiran bersifat objektif, jelas dan berhalatuju, kerajaan telah menukulkan 4 Tiang Utama: Pertama, satu falsafah induk sebagai panduan yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaan yakni “1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”. Kedua, satu prakarsa teras peranan kerajaan yakni Program Transformasi Kerajaan dan dua inisiatif ekonomi bagi memeta hala tuju jangka panjang, sederhana juga jangka pendek negara yakni Model Ekonomi Baru serta Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tiang Utama Pertama: Gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” adalah satu falsafah induk yang bersifat merentas dasar serta pelaksanaan kerana matlamat gagasan 1Malaysia adalah perpaduan nasional.

Inilah matlamat yang menjadi cita-cita dan aspirasi semua warga Malaysia semenjak dahulu lagi.

Sama ada suka ataupun tidak, sebagai sebuah negara majmuk tanpa dipacu perpaduan nasional, apa pun cita-cita kebangsaan yang lain seperti usaha mencapai taraf hidup yang lebih baik untuk setiap warga akan hanya tinggal angan-angan kosong. Terbukti, tanpa perpaduan nasional tidak mungkin wujud kestabilan politik yang menjadi teras kepada segala-galanya.

Jelasnya, merealisasikan perpaduan nasional bukannya kerja sehari, seminggu, sebulan, setahun mahupun sedekad. Ia adalah usaha berterusan semenjak negara mencapai kemerdekaan lebih lima dasawarsa yang lalu. Ia akan terus menjadi perjuangan yang akan diwariskan dari generasi ke generasi. Oleh itu, menjadi amanah kepada semua untuk terus membugar dan membajainya.

Tugas ini perlu dilaksana dengan kesedaran bahawa pemupukan perpaduan nasional tidak berlaku dalam situasi yang bersifat utopia, ataupun segalanya sempurna. Ini pastinya menjadi cabaran kepada sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengekalkan keseimbangan agar perpaduan nasional mampu terus tumbuh dan mekar.

Syukurlah, bapa-bapa kita telahpun menunjukkan jalan dan meletakkan asas yang kukuh bagi pencapaian perpaduan nasional ini, melalui dua faktor pemersatu yakni, dengan penggubalan undang-undang tertinggi negara dalam bentuk Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan.

Kendati begitu, peraturan dan undang-undang tidak mungkin melenyapkan segala kebimbangan dan merungkaikan segala permasalahan. Untuk bergerak ke hadapan, rakyat Malaysia perlu berubah dari mendefinisikan diri mereka berasaskan perbezaan yang wujud kepada mencari kesamaan yang ada.

Bukankah kita semua manusia biasa, yang hanya menumpang lalu di bumi Tuhan ini buat sementara waktu? Bukankah kita semua mendambakan perkara yang sama, iaitu kehidupan yang lebih baik untuk anak-anak kita pada masa depan? Bukankah kita ini hamba-Nya menghirup udara yang sama di maya pada ciptaan-Nya?

Hakikatnya, gagasan 1Malaysia tidak akan berjaya jika tidak didokong oleh prinsip “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.” Perpaduan pula tidak akan bermakna jika aspirasi, kebimbangan dan kepentingan setiap warga Malaysia tidak diambilkira. Perpaduan akan hanya menjadi retorik kosong jika pencapaian tidak diutamakan. Makanya, marilah kita menilai sesama kita bukan kerana warna kulitnya tetapi nilailah berasaskan keikhlasan dan integritinya.

Tiang Utama Kedua: Kerajaan menyedari bahawa segala apa yang diaspirasikan tidak akan terjelma dan menjadi realiti tanpa pelaksanaan yang pantas, tepat dan berkesan. Inilah tugas para penjawat awam dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan.

Melalui Program Transformasi, kita mahukan Kerajaan menjadi lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi rakyat.



‘Kesetiaan kepada negara
adalah berlandaskan kesetiaan
kepada Perlembagaan.’

Seperti yang sering disebut, era kerajaan mengetahui segala-galanya sudah berakhir. Jadinya, kerajaan perlu bersifat sebagai pemudahcara dan bukannya *absolute arbiter of wisdom*.

Melalui enam bidang keberhasilan utama atau NKRA dan Indeks Petunjuk Prestasi atau NKPI pula, matlamat serta keberkesanan kerajaan akan bersifat lebih telus dan kuantitatif. Rakyat bukan sahaja akan dapat mengetahui apakah matlamat kerajaan dan kaedah pelaksanaannya tetapi juga turut memainkan peranan dalam menggubalnya.

Seterusnya, Tiang Utama Ketiga dan Keempat adalah dua prakarsa penting ekonomi yakni Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Di sini, untuk mencapai cita-cita nasional bagi menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, memerlukan kita keluar dari perangkap atau kepompong paradigma serta struktur negara berpendapatan sederhana. Ia bukan satu tugas yang mudah, namun,

ia tidak juga sesuatu yang mustahil. Jika ditinjau susurgalur sejarah ekonomi negara maka kita akan dapat menyaksikan bagaimana setiap cabaran era baru berjaya kita tangani hasil kerjasama erat antara rakyat dan kerajaan melalui pendekatan berhemah yang sentiasa berada di hadapan keluk bersifat sistematik lagi pragmatik.

Tiang Utama Ketiga dan Keempat adalah dua prakarsa penting ekonomi yakni Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Hasilnya, dari sebuah ekonomi pertanian berpendapatan rendah yang bergantung kepada eksport komoditi, kita telah berjaya meningkat menjadi sebuah ekonomi perindustrian berpendapatan sederhana tinggi dan merupakan antara 20 negara pengeksport terbesar di dunia. Ketahuilah bahawa ini bukan satu pencapaian yang mudah mahupun bersifat biasa. Bersyukurlah, kerana bukan semua negara mampu mencapai apa yang berjaya kita kecapai.

Namun hari ini, cabaran yang kita hadapi amat berbeza iaitu bagaimana untuk meningkatkan taraf ekonomi negara daripada sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi kepada negara berpendapatan tinggi. Apabila saya menggunakan istilah negara berpendapatan tinggi bukanlah maksud saya kita beraspirasi untuk menjadi seperti sesetengah negara yang pernah saya lawati di mana kos hidupnya begitu tinggi sehingga kualiti hidup dikompromi dan lumpuh nilai manusiawinya.

Apa yang kita inginkan ialah peningkatan selari di antara pendapatan dan kualiti kehidupan. Peningkatan pendapatan harus berkadar terus, bukan berkadar songsang dengan peningkatan mutu hidup. Tidak ada gunanya pendapatan yang tinggi jika, *we cannot afford to spend quality time with our families and be able to take the time to smell the roses.*

Lalu, bagi mencapai matlamat ini, iktisad negara perlu meningkat dalam rantai nilai ekonomi. Kita mesti melabur dan menarik pelaburan dalam sektor yang mampu menjana pulangan yang besar. Hari ini, bidang ekonomi yang terbabit bergantung kepada input kreativiti, inovasi dan nilai tambah yang tinggi.

Pokoknya, realiti semasa membuatkan kita tidak boleh lagi alpa berenang di lautan merah sebagai sebuah ekonomi yang hanya mampu menarik pelaburan dalam sektor-sektor yang bernilai rendah. Ketagihan kepada buruh murah berkemahiran rendah serta sumber asli akan hanya menumpulkan daya saing ekonomi negara dan seterusnya dalam jangka panjang menjejaskan taraf hidup rakyat Malaysia.

Kebergantungan dan kegunaan, seperti saya sebutkan di atas akan hanya menjadi faktor penolakan yang mengakibatkan penghijrahan keluar tenaga mahir tempatan. Ini kerana, rakyat tempatan berkemahiran tinggi sudah tentu akan gagal mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka. Sayang sekali, akhirnya kemahiran yang mereka miliki akan tertumpah khidmatnya di bumi asing dan rugilah kita.

Tambahan lagi, dengan fenomena ketirisan pekerja berkemahiran tinggi, lengkaplah putaran yang akan melemaskan kita dalam perangkap pendapatan pertengahan. Beringatlah bahawa, di celah-celah era globalisasi ini *our loss is always somebody else's gain*. Jika gejala ini terus berlaku dan tidak ada sebarang usaha untuk merubahnya, maka, cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi hanya akan tinggal impian.

Selanjutnya, dalam waktu terdekat kerajaan akan menzahirkan Rancangan Malaysia Kesepuluh sebagai siri mutakhir rancangan pembangunan lima tahun negara. Ia merupakan blok binaan pertama kepada *road map* Model Ekonomi Baru. Ia akan menjadi jendela sulung kita ke arah Wawasan 2020. Rancangan Malaysia Kesepuluh ini yang

akan berjalan dari tahun 2011 hingga 2015 akan diikuti kemudiannya oleh jendela kedua dalam bentuk Rancangan Malaysia Kesebelas. Tempoh ini merangkumi tahun-tahun 2016 hingga 2020. Sesungguhnya, kedua-dua rancangan Malaysia ini adalah penting demi masa depan rakyat dan kemakmuran negara.

Melalui Program Transformasi, Kerajaan lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi rakyat.

Oleh sebab itu, kita tidak boleh takut mahupun bimbang untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan kerana jika kita mengambil sikap suka melewatkan apa yang perlu diubati dengan segera hanya kerana kita khuatir terhadap kesakitan yang bakal ditempuhi dek kerana rawatan tersebut,

maka kita sebenarnya sedang mendedahkan diri untuk ditimpa bencana yang lebih serius.

Sepanjang tempoh pentadbiran, pelbagai inisiatif, perubahan dan penambahbaikan yang sedang, serta telah dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi kerja serta produktiviti perkhidmatan awam. Baru-baru ini, kerajaan telah melaksanakan perubahan skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis serta Konstabel yang melibatkan jumlah seramai hampir 99,000 anggota. Perubahan skim perkhidmatan ini adalah berlandaskan prinsip taraf kemasukan yang telah dinaikkan. Berdasarkan prinsip ini juga pihak kerajaan telah meluluskan kenaikan gaji bagi pangkat Inspektor, Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis. Ini hakikatnya adalah kesinambungan

kenaikan kepada lain-lain pangkat yang telah dilaksanakan pada masa lalu.

Lantas, saya ingin menegaskan bahawa kenaikan ini seharusnya disyukuri dan menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti. Mudah-mudahan ia akan membantu membendung pelbagai hambatan negatif terutama sekali godaan rasuah.

Selain itu, kerajaan juga komited untuk menyediakan prasarana kesihatan yang terbaik dan berkemampuan untuk rakyat. Kerajaan turut bersetuju untuk melaksanakan penambahbaikan laluan kerjaya pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia secara komprehensif dari gred lantikan hingga ke Gred 54 dengan peluang peningkatan dalam tempoh yang lebih wajar.

Semua usaha ini akan membabitkan tambahan perbelanjaan kerajaan yang dianggarkan sejumlah RM200 juta setahun. Oleh yang demikian, kerajaan berharap Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di KKM akan terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Dalam usaha mengukuhkan khidmat sektor awam lagi, kerajaan telah menggerakkan inovasi dengan memperkenalkan sistem kemasukan pelbagai peringkat yang bertujuan menarik bakat-bakat terbaik di luar pasaran perkhidmatan awam. Bagi menggapai hasrat kepimpinan global ini, di antara formula baru yang telah diterokai dan dilaksanakan ialah kemasukan pelbagai gred terhadap pegawai-pegawai secara *inter-scheme* perkhidmatan.



Amanat oleh:

Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

9 Mac 2010

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Anjuran:

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

‘Empat tiang utama dan empat
nilai asas sebagai pelengkap
ini merupakan lapan tonggak
perdana pentadbiran.’

Sebenarnya, terdapat 31 skim perkhidmatan dalam sektor awam memperuntukkan Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) di mana, gaji permulaan yang lebih tinggi akan diberi berdasarkan kelayakan akademik, kelayakan profesional serta kompetensi-kompetensi lain yang berkaitan.

Nampaknya, hasrat dan kesungguhan kerajaan untuk memperkukuh dan memodenisasikan perkhidmatan awam dengan menarik bakat terbaik melalui Program *Cross Fertilisation* telah membuahkan hasil dan sudah mula menambat hati generasi muda untuk menabur jasa kepada negara. Kerajaan akan meneruskan program-program *Cross Fertilisation* ini dengan beberapa pihak lain seperti agensi antarabangsa, syarikat multinasional, Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Johor.

Di sini, saya berterima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara kerana mengambil *ownership* ke atas program *Cross Fertilisation* di mana saya difahamkan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mengadakan perjumpaan berkala dengan peserta Program *Cross Fertilisation* setiap 2 bulan bagi mendapatkan maklum balas secara langsung dari mereka. Impak yang ditunjukkan sangat memberangsangkan. Melalui program sebegini, Kerajaan percaya bahawa matlamat untuk membangunkan pemimpin generasi baru yang berpotensi dan berprestasi tinggi di sektor awam akan tercapai akhirnya dan meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Salah satu lagi agenda nasional bagi merealisasikan matlamat Malaysia sebagai sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi ialah pengeluaran modal insan yang berkualiti. Untuk itu, kita mahukan institusi pengajian tinggi awam mempunyai “murabbi” yakni tenaga pengajar dan penyelidik yang terbaik dan bermotivasi. Kerana itulah, kerajaan akan mengkaji skim perkhidmatan pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pensyarah Institut Perguruan. Hari ini contohnya, seorang profesor di IPTA hanya boleh mencapai Gred Khas A. Kita akan mengkaji semula untuk membenarkan Profesor di IPTA naik hingga peringkat tertinggi Turus tanpa perlu memegang sebarang jawatan pentadbiran di IPTA terbabit.

Untuk itu, satu mekanisme khas akan diwujudkan pada peringkat nasional yang akan melibatkan elemen panel berkecuali dan *peer review* bagi memastikan penilaian yang adil diberi terhadap proses kenaikan gred ini. Kenaikan tersebut hendaklah berdasarkan meritokrasi kerana negara memerlukan yang terbaik. Mahu tidak mahu, dalam apa jua bidang dan lapangan, kita tidak boleh bertolak ansur dengan tahap mediokriti atau budaya kecincaian. Pokok pangkalnya, kita mahukan IPTA di Malaysia menjadi *paragon of excellence*.

Dalam pada itu, ingin saya nyatakan di sini bahawa saya mendengar bisikan dan suara hati para penjawat awam. Saya tahu dan saya peduli. Jangan berasa gundah gulana dan menganggap saya tidak prihatin atau tidak peka walaupun bisikan itu datang secara perlahan dan bersifat sayup-sayup kedengaran.

Oleh itu, saya telahpun mengarahkan satu kajian komprehensif terhadap penggunaan sistem *pool* yang wujud sebagai alat tindakan pentadbiran bersifat menghukum. Dalam kata lain, elemen *natural justice* iaitu hak untuk didengar dan dinilai secara berkecuali perlulah menjadi sebahagian daripada prosedur.

Di penjuru yang lain, kerajaan juga akan mengkaji konsep *closed service*. Kita tidak mahu penjawat awam menjadi jumud oleh kerana sudah terlalu selesa dengan kedudukan masing-masing akibat tidak dapat lagi meningkat dalam karier masing-masing.

Saya mahukan JPA memberi lebih perhatian kepada ehwal *continuing education, skills upgrading, succession planning* dan *career advancement* para penjawat awam. Penjawat-penjawat awam muda terutamanya yang terlibat dengan tugas-tugas diplomasi dan rundingan antarabangsa perlulah didedahkan dengan pengalaman yang secukupnya.

Melentur buluh kata orang, biarlah dari rebungunya. Janganlah melihat sebagai satu kerugian untuk menghantar pegawai-pegawai muda ini untuk terlibat dengan rundingan-rundingan antarabangsa kerana dengan cara ini sahajalah mereka dapat menimba pengalaman. Sehubungan itu, para penjawat awam hendaklah dari masa ke semasa memahirkan diri dengan menguasai pelbagai bahasa.

Bagi menyangga, empat tiang utama yang telah saya kumandangkan tadi, perlu didokong pula oleh empat nilai asas pelengkap;



‘Budaya bekerja sebagai satu pasukan dan saf yang kukuh hendaklah merentasi silo atau kokun masing-masing demi kepentingan rakyat.’

Pertama: Membudayakan Kreativiti dan Inovasi. Mahu tidak mahu para penjawat awam mesti berfikir di luar lingkungan kotak. Saya tidak mahu budaya *automation* menjadi satu hakikat kehidupan dalam sektor awam. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

Kedua: Mementingkan Kepantasan Bertindak dan Membuat Keputusan. Janganlah kita melengahkan apa yang mampu kita laksanakan hari ini kepada hari esok atau lusa. Mengambil petua orang tua-tua, “kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan.” Dalam konteks ini janganlah kita lambatkan apa yang kita boleh selesaikan saat ini kepada detik, minit, jam, hari, minggu, bulan mahupun tahun yang berikutnya. Sememangnya kepantasan bertindak dan membuat keputusan akan menyebabkan keyakinan rakyat bertambah kepada kerajaan.

Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

Kerajaan perlu dilihat pantas mengotakan janji. Contoh terbaik adalah, apabila saya mengumumkan Klinik 1Malaysia dalam ucapan bajet tahun lalu, lebih kurang dua bulan kemudian ia sudah menjadi realiti. Begitulah juga imbuhan tetap bulanan kepada Johan Qari dan Qariah Tilawah Antarabangsa, telah kita tunaikan tidak sampai 3 minggu setelah diumumkan.

Kepantasan bertindak dan membuat keputusan seperti ini akan juga meningkatkan *velocity of money* atau halaju kitaran wang dalam sistem ekonomi negara. Keputusan cepat, pantas dan tanpa bertanggung perlu dibuat terutamanya yang melibatkan kelulusan urus niaga, pemberian lesen, *development order*, tender, kontrak, sebut harga, pembayaran kerja dan lain-lain perkara yang melibatkan implikasi kewangan kerana ia mampu merangsang pertumbuhan ekonomi negara seterusnya menambah kekayaan nasional. Hal ini tidak lain tidak bukan, pada analisa akhirnya akan menguntungkan negara dan rakyat. Jelas sekali, budaya melambat-lambatkan sesuatu keputusan akan hanya merugikan rakyat dan negara.

Ketiga: Nilai untuk Wang atau *Value for Money*. Dalam aspek ini, pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus hendaklah dihapuskan daripada pengurusan kewangan awam. Sesungguhnya, setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat pulangan nilai paling maksima kepada kerajaan dan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan perlu berhemah dalam perbelanjaannya.

Untuk mencapai matlamat nilai untuk wang, maka kaedah pengurusan nilai atau *value management* perlulah diterapkan dalam semua pengurusan projek-projek kerajaan bermula dari peringkat awal lagi. Pengurusan nilai perlu menjadi wahana yakni alat pengurusan atau *management*

**Janganlah kita
melengahkan
apa yang
mampu kita
laksanakan hari
ini kepada hari
esok atau lusa.**

tool untuk mencapai nilai untuk wang. Dengan kaedah ini diharapkan dapat mengubah cara kita merancang dan melihat sesuatu projek. Kita perlu menyoal *assumption* atau andaian yang ada, adakah terdapat kaedah atau cara yang lebih baik untuk mendapat pulangan optimum kepada perbelanjaan kerajaan.

Ada banyak contoh di mana perbelanjaan kerajaan berjaya dijimatkan dengan pengurusan nilai. Ia seharusnya merangkumi pra dan pasca projek termasuklah pemilihan lokasi, rekayasa dan reka bentuk sehingga pemilihan bahan pembinaan yang bersesuaian. Kita perlu mengambil kira *total life cycle cost* atau kos keseluruhan kitar hayat sesuatu projek. Sekiranya kita tidak mengambil kira kos-kos yang tersembunyi termasuk kos penyelenggaraan, maka, ia mungkin mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan kewangan kerajaan kemudian hari nanti.

Sehubungan itu, sukacita saya mengesyorkan bahawa ganjaran istimewa akan diberikan kepada mana-mana pegawai atau

Setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat pulangan nilai paling maksima kepada kerajaan dan rakyat.

kumpulan pegawai yang berjaya mendatangkan penjimatan yang besar kepada pihak kerajaan. Pendek kata, kita mahu para penjawat awam sentiasa mencari kaedah pelaksanaan yang berkesan dan efektif melibatkan penjimatan. Ertinya dengan jumlah kos yang sama tetapi kita berupaya mendapat kualiti yang lebih baik.

Keempat: Nilai Integriti. Sememangnya, transformasi ke arah menjadi masyarakat maju bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Fokus terpenting bagi pembangunan sedemikian ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu menjadi budaya masyarakat. Ringkasnya, tanpa integriti maka segalanya tidak akan bermakna.

Sesungguhnya, penjawat awam adalah khadam pemelihara kepentingan awam atau *custodian of public interest*. Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian tidak memiliki integriti maka kepercayaan dan keyakinan rakyat akan hilang. Kata pepatah lama, “harimau mati meninggalkan belang

**Fokus
terpenting bagi
pembangunan
sedemikian ialah
peningkatan dan
pemantapan etika
dan integriti.**

manusia mati meninggalkan nama”. Kita boleh mencari kuasa, kekayaan, kedudukan dan ilmu pengetahuan tetapi tanpa integriti kita tidak akan mempunyai nama yang baik sedangkan nama yang baik amatlah mustahak. Inilah yang akan dikenang oleh rakyat dan dicatat dalam sejarah.

Kesimpulannya, empat tiang utama dan empat nilai asas sebagai pelengkap ini merupakan lapan tonggak perdana pentadbiran saya. Setiap satu saling melengkapi antara satu sama lain. Insya-Allah jika lapan tonggak perdana ini dijunjung dan dipegang erat, ia akan memandu para penjawat awam, rakyat dan negara ke arah masa depan yang kita cita-citakan bersama.

Di atas semuanya, para penjawat awam perlu mendakap realiti berkhidmat untuk rakyat sebagai satu keluarga besar. Maksud saya, janganlah ada budaya dan mentaliti keterpisahan antara penjawat awam dan rakyat yang selama ini hanya dianggap kelayan (*client*) atau pelanggan. Saya mahukan penjawat awam dan rakyat yang dikhidmati menjadi sebagai satu keluarga besar. Dalam erti kata lain, khidmat yang diberi hendaklah mencerminkan kesungguhan seperti mana kita ingin memberi yang terbaik kepada keluarga sendiri. Pastiya nanti laungan Rakyat Didahulukan tiba pada maknanya.

Kita juga tidak mahu ada mentaliti silo dalam perkhidmatan di mana masing-masing penjawat awam melihat kepentingan terhad kepada jabatan, agensi dan kementerian mereka sahaja. Sepatutnya, budaya bekerja sebagai satu pasukan dan saf yang kukuh hendaklah diamalkan bagi merentasi silo atau kokun masing-masing demi kepentingan rakyat. Barulah nanti kerajaan akan dapat menunaikan amanahnya mengkhidmati rakyat secara tuntas.

Mendasari segalanya adalah kesetiaan para penjawat awam adalah *sine qua non* kepada kewujudan pentadbiran. Jumlah penjawat awam terkini melebihi sejuta orang. Kesatuan fikiran dan kesatuan tindakan adalah prasyarat kepada kejayaan yang kita idamkan. Kesetiaan adalah nilai paling mustahak yang menunjang budaya sepasukan. Kesetiaan yang saya maksudkan di sini adalah kesetiaan kepada negara berlandaskan kesetiaan kepada Perlembagaan.

Dalam kata lain, satu bentuk kesetiaan yang penuh profesional oleh para penjawat awam.

Dalam situasi ini, moleklah kita mengambil mafhum dan pedoman daripada Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 59: Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta 'Ulil-Amri' yakni para pemerintah dan orang-orang yang berkuasa daripada kalangan kamu. Pendek kata, apapun kecenderungan peribadi atau siapa pun yang

diidolakan, bila bekerja hendaklah taat setia kepada mandat amanah rakyat yakni pentadbiran negara yang telah dipilih. Nescaya, Allah SWT akan memberkati kita.

Kesetiaan yang saya maksudkan di sini adalah kesetiaan kepada negara berlandaskan kesetiaan kepada Perlembagaan.


Pepatah Arab menyebut, "Siapa yang bersungguh-sungguh, maka dialah yang mendapat". Mengakhiri kalam, saya mahukan nilai-nilai kerja bermutu tinggi, kehebatan bertindak, kesungguhan, ketabahan, proaktif dan komitmen jitu sebagai satu pasukan terus disemai, tumbuh, kembang dan mewangi dalam perkhidmatan awam.

Itulah tonggak peradaban bangsa yang mampu mencapai kecemerlangan seperti terakam dan tergambar dalam Sejarah Melayu "Belum diseru sudah menyahut, belum dipanggil sudah datang, belum disuruh sudah pergi".

Mudah-mudahan, tahun 2010 ini dan dekad seterusnya menjanjikan pelbagai lagi kejayaan buat kita semua.

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
Putrajaya
9 Mac 2010





**'1dream, 1people
and 1nation.'**

Tiang Utama Pertama

1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan

Dalam tempoh masa percubaan untuk ekonomi dunia, pendapat perlu dipertimbangkan, dibincangkan dan dibahaskan kerana ia membabitkan banyak kepentingan. Dialog menggambarkan penghormatan antara satu sama lain walaupun ketika berlaku perselisihan faham.

Pemimpin yang prihatin dan berjiwa rakyat ialah pemimpin yang sanggup turun ke bawah (turba).

Kita perlu memimpin dan menjadi teladan supaya generasi akan datang dapat menilai kepelbagaian pandangan dalam masyarakat sebagai asas kukuh negara.

Konsep Satu Malaysia Untuk Kemakmuran
Berita Harian
7 April 2009

Beringatlah bahawa rakyat mengharapkan agar kita bekerja tanpa jemu, sentiasa mendengar rintihan mereka dan terus bekerja tanpa henti demi komitmen kita terhadap 1Malaysia. Begitulah juga bahawa kita telah diberi penghormatan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, lantas kita seharusnya menerima penghormatan tersebut dengan penuh rasa rendah diri dan dedikasi.

Pengumuman Kabinet
Kuala Lumpur
9 April 2009

Saya adalah pemimpin dan Perdana Menteri untuk semua komuniti. Dengan kepercayaan dan hormat menghormati sesama kita, Malaysia akan lebih kukuh dan makmur untuk

menghadapi cabaran abad ke-21. Jangan pula ada yang melihat perbezaan warna kulit atau dari komuniti mana asalnya seseorang itu ketika mahu menghulurkan bantuan, sebaliknya pertolongan perlu diberi kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya.

Pemimpin Semua Komuniti
 Berita Harian
 15 April 2009

We must break the race barrier. We should not look at skin colour but as one Malaysia... If one needs help, he should be helped. If we have that attitude, we will move forward.

I have introduced the 1Malaysia concept because I believe you will be together with us. We will be one team in one Malaysia. We will be a strong team.

No Racial Barriers
 New Straits Times
 15 April 2009

**Perpaduan
 bermula dengan
 toleransi, diikuti
 penerimaan
 dan akhirnya
 meraikan
 perbezaan yang
 ada.**

Di bawah konsep 1Malaysia bererti kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia, *1People*. Kalau kita memperjuangkan soal kemiskinan, kita mesti melihat kemiskinan yang merentasi semua kaum sama ada di bandar, luar bandar, ladang, kampung baru atau kumpulan orang asli.

Konsep 1Malaysia bererti kita berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia dan kita mengambil tindakan berdasarkan kepada kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita.

Gagasan 1Malaysia adalah bersandarkan kepada rasa hormat-menghormati dan toleransi sesama setiap kumpulan etnik.

Ia berkisar kepada kesatuan sebagai 1Malaysia, berdiri bersama, berfikir bersama dan mengambil tindakan bersama. Bekerjalah bersama-sama untuk sebuah negara Malaysia yang lebih makmur.

Bumiputera Tetap Dibantu
Utusan Malaysia
16 April 2009

Kabinet perlu dekat di hati rakyat, sanggup turun padang, menyinsing lengan serta melakukan perkara yang boleh mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada kerajaan kerana dalam persekitaran politik sekarang rakyat semakin kritikal dan kita tidak boleh menganggap ini sebagai perkara biasa tetapi mesti mempamerkan barisan kepimpinan yang sanggup melakukan perubahan dan pembaharuan.

Transkrip Penjelasan Perdana Menteri
Utusan Malaysia
16 April 2009

Maka yang demikian, suka atau tidak suka, kita mesti mengakui kemajmukan yang wujud adalah realiti yang harus diterima. Inilah merupakan teras kepada konsep 1Malaysia, mengakui realiti yang ada dan menjadikannya sebagai platform untuk mencapai kejayaan demi kejayaan.



‘There can be no peace
in the world if there is
no harmony among the
religions and cultures.’

Di bawah konsep 1Malaysia ini setiap rakyat Malaysia yang berkecukupan dan memerlukan bantuan serta pertolongan akan kita bantu. Tidak akan ada mana-mana pihak yang akan dicirikan.

Di bawah konsep 1Malaysia kita perlu memastikan tiada rakyat Malaysia yang terpinggir daripada mendapat perhatian kerajaan. Bagi kerajaan, meritokrasi bukan bermakna kesaksamaan yang membuta.

Pendek kata, antara prinsip-prinsip utama yang mendasari 1Malaysia adalah kebersamaan (*togetherness*) dan kekitaan (*sense of belonging*) dalam satu keluarga besar.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh (MAPPA X)
Putrajaya
28 April 2009

Ryakyt yang berpuas hati dengan Kerajaan itulah rakyat yang akan bersama-sama dengan Kerajaan.

PM: Wujudkan Ikatan Janji Setia
Utusan Malaysia
5 Mei 2009

Kita akan sampai di sana sebagai satu bangsa dan apabila perkara itu berlaku Malaysia akan benar-benar bersatu dan menjadi negara makmur.

Apa yang penting adalah bagi menerima idea 'satu bangsa'. Kita mungkin dipisahkan dalam

Jika "Bangsa Malaysia" adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan ke arah matlamat itu.



‘Kemuncak kepada segala-galanya ialah apabila kita dapat meraikan kepelbagaian itu sebagai satu aset dan kekuatan kepada negara.’

konteks etnik, etnik kecil dan kebudayaan dan beberapa aspek lain tetapi kita boleh bersama sebagai satu bangsa dan ini adalah intisari 1Malaysia.

Saya tak mahu kehadiran saya dinilai dari segi kompong, Spermaidani merah. Malahan *backdrop* majlis ini pun bukan nama saya. Saya singgah di sini meraikan Hari Kaamatan kerana saya ingin tegaskan di sini yang saya adalah Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia.

Najib Ajak Rakyat Bantu Jayakan 1Malaysia
Berita Harian
13 Mei 2009

Matlamat perpaduan kebangsaan tidak boleh dijayakan jika pendekatan ke arah pencapaiannya tidak berpijak di bumi nyata dan bersifat utopia. Mana mungkin juga ia berjaya jika ia tidak endah kepada sensitiviti dan realiti kontemporari.

Apa yang pasti tuntutan 1Malaysia bukan sekadar batas fizikal dari sudut geografi dan demografi bahkan ia merangkumi pengertian luas fikiran dan semangat yang menyeluruh.

Ucapan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
Kuala Lumpur
6 Jun 2009

1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika “Bangsa Malaysia” adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan ke arah matlamat itu.



‘Kita faham akan jerih payah mereka menongkah arus kehidupan, memugar tanah dan bergelut dengan badai demi mencari rezeki.’

1 Malaysia menekankan sikap “penerimaan” di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

Persidangan Parlimen
Kuala Lumpur
15 Jun 2009

Kita perlu menghormati pandangan dan pendapat serta tidak melabel pihak yang tidak setuju sebagai musuh.

The concept of 1Malaysia that I have propagated is meant to get all Malaysians to work as one team in order to achieve one goal and that is towards a developed nation by 2020.

It is not a time for sentiment or half measures but to renew our courage and pragmatism to take the necessary bold measures, to advance the national interest, for the long term benefit of all Malaysians.

Keynote Address At Invest Malaysia Conference 2009
Kuala Lumpur
30 June 2009

Kita semua adalah rakyat Malaysia. Kemajmukan kita inilah yang menjadi *asset and competitive advantage that has and will continue to put us head and shoulders above our global competitors.*



‘Tidak ada rakyat kelas kedua atau ketiga. Semua berhak mendapat peluang yang sama sekiranya betul-betul berkebolehan.’

Tidak ada rakyat kelas kedua atau ketiga. Semua berhak mendapat peluang yang sama sekiranya betul-betul berkebolehan. Kerana itulah, kita kini ingin mengiktiraf *the best and the brightest*. Saya beraspirasi mencipta satu sistem untuk mengiktiraf yang terbaik dan berbakat di kalangan anak-anak muda kita.

Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju dan makmur jika kita menggembleng dan memanfaatkan setiap potensi rakyat Malaysia.

Kita haruslah membina Malaysia di mana semua anak-anak kita mempunyai peluang untuk mengoptimumkan potensi masa depan mereka. Malaysia, di mana setiap anak-anak kita merasakan mereka dihargai dan mempunyai peluang untuk hidup berjaya di hari muka. Kerana merekalah sebenarnya generasi 1Malaysia.

Seorang pemimpin yang prihatin dan berjiwa rakyat ialah seorang pemimpin yang turba, sanggup turun ke bawah dan melihat dengan mata kepala sendiri penderitaan rakyat, mendengar rintihan, keluh kesah juga merasai gundah gulana mereka sekali gus mampu meresapi denyutan nadi rakyat yang dipimpinnya.

Sempena “100 Hari YAB Dato’ Sri Mohd Najib Bersama Rakyat”
Kuala Lumpur
11 Julai 2009

On taking the oath of office in April, I said that my government would focus on people and I spoke of my hope that Malaysia would move forward under the theme “1Malaysia, People First, Performance Now”.

The diversity of its population has made Malaysia unique in many ways including business, tourism and gastronomical paradise and home to hundreds of festivals and traditions.

1st World HOPO Community Convention
Genting Highlands
10 September 2009

No obstacle is too high or too deep nor too wide for us to overcome if we join hands, think and act together as 1World.

There can be no peace in the world if there is no harmony among the religions and cultures for that matter; and there can be no harmony between religions if there is no dialogue amongst them.

Indeed, ignorance, fear, prejudice and apathy left unchecked is fertile ground for breeding hatred, extremism, fatalism and fanaticism, the root causes of what ill the world today.

Malaysia is willing to play its role in facilitating inter-cultural dialogue. Geography and the legacy of history have positioned Malaysia strategically to act as a bridge in linking all of the worlds' major cultures. It is not an offer grounded in altruism but an offer based upon our mutual and shared interests. After all, it is a truism that a peaceful internal and external environment is prerequisite for national development.

Truly, for Malaysians, inter-cultural dialogue is an everyday fact of life. Our founding fathers in their wisdom chose



‘Gagasan 1Malaysia
menjadi pemangkin
kepada perpaduan
nasional.’

at the outset of independence to use integration rather than assimilation as a national policy to manage race relations and to forge a new nation.

It was a conscious choice much criticised when it was taken but ultimately vindicated by history. We have evolved from merely tolerating diversity to acceptance and now finally the apex of this mindset is celebrating diversity as a source of national strength rather than a source of conflict. We believe in this philosophy, predicated on mutual trust and respect between all communities; my clarion call for Malaysia is “1dream, 1people and 1nation”.

There is an old Malay proverb which translates as, that “together collectively we can conquer all peaks, traverse all valleys and cross all rivers”. No obstacle is too high or too deep nor too wide for us to overcome if we join hands, think and act together as 1World.

Speech At The 35th UNESCO General Conference In Paris
The Star
7 October 2009

Gagasan ini berteraskan kepada nilai-nilai murni berpaksikan keadilan sosial, prinsip penerimaan dan meraikan kemajmukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Maksudnya, dalam apa jua yang dilakukan, kita perlu sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan negara.

Tiada gunanya kita bercakap tentang kemajuan seandai dan sekiranya masih kedapatan golongan yang tercicir hatta tidak boleh membaca dan mengira. Sedangkan ilmu itu adalah penyuluh dan pelita. Dalam gagasan 1Malaysia, tiada mana-mana golongan pun yang akan dipersiapkan.

Sebagai sebuah pentadbiran yang mendahulukan rakyat, segala sumpah janji dan khidmat diabdikan tidak lain tidak bukan, adalah untuk melihat kesejahteraan serta kemakmuran dinikmati semua pihak tanpa sebarang pengecualian. Saya sentiasa mahukan pentadbiran Kerajaan ini prihatin terhadap keluh kesah dan rintihan golongan seperti petani dan nelayan. Kita faham akan jerih payah mereka menongkah arus kehidupan, memugar tanah dan bergelut dengan badai demi mencari rezeki.

Pembentangan Bajet 2010
Kuala Lumpur
23 Oktober 2009

**Pentadbiran
Kerajaan ini
prihatin terhadap
keluh kesah dan
rintihan golongan
seperti petani
dan nelayan.**

Kekuatan kita terbina di atas nama meraikan perbezaan dan kemajmukan tidak kira tua, muda, Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban ataupun etnik lain. Semuanya, sejak dulu, kini dan selamanya akan hidup rukun sebagai 1Malaysia.

Masa depan Malaysia yang lebih cemerlang terletak kepada penggabungan serta pemupukan idea, bakat, inisiatif dan semangat seluruh rakyat Malaysia tanpa mengenal batas kaum dan latar belakangnya.

Perutusan Sempena Tahun Baru 2010
RTM
1 Januari 2010

Kerajaan telah memperkenalkan gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” untuk penyatuan dan perpaduan rakyat, menjamin kemakmuran



‘Kita hendaklah bijaksana
mengenal pasti asas
untuk meningkatkan
perpaduan melalui
kemajmukan.’

masyarakat dan kesejahteraan negara. Gagasan ini terbina di atas landasan keikhlasan, satu matlamat ke arah kemajuan negara secara berterusan yang wajar dipaparkan kepada semua warganegara dengan rasa penerimaan bersama yang bermula dari keikhlasan denyut nadi kita.

Gagasan 1Malaysia ini telah mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan nasional, ianya ibarat sekuntum bunga yang harum, menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan rakyat, mencuar aspek integrasi antara kaum dan mewujudkan satu bangsa Malaysia serta menjadi pemacu mempercepatkan pencapaian Wawasan 2020.

Jelas menunjukkan bahawa perintah keadilan tidak melihat kepada keturunan, warna kulit, bangsa, kedudukan, miskin kaya atau perbezaan agama. Ini amat bertepatan dengan gagasan 1Malaysia yang membela semua rakyat Malaysia yang terdiri dari kaum Melayu, Cina, India dan kaum-kaum yang lain.

Hakikatnya, gagasan 1Malaysia ini juga adalah selaras dengan semangat yang ditunjukkan melalui Sirah pembentukan negara dan ketamadunan Islam terawal di Madinah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Masyarakat yang berada di Madinah pada waktu itu terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, hidup penuh rukun dan harmoni, berasaskan Perlembagaan Madinah yang mengutamakan dan mempertahankan Islam sebagai agama, keadilan kepada semua dan melindungi kaum minoriti serta memberi kebebasan mengamalkan agama kepada kaum bukan Islam yang berpayung di bawah pemerintahan Negara Madinah.

Bersesuaian dengan slogan pencapaian diutamakan, maka konsep Wasatiyah ini akan merealisasikan ajaran Islam yang lebih komprehensif dan syumul serta berimbang antara pelbagai tuntutan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh iaitu sebuah negara yang maju dan disegani serta bertoleransi dan berimbang dari segenap bidang.

Selaras dengan gagasan 1Malaysia, kita hendaklah bijaksana mengenal pasti asas untuk meningkatkan perpaduan melalui kemajmukan yang ada. Bagi mengekalkan keamanan dalam suasana yang harmoni, perkara-perkara yang boleh meningkatkan persefahaman wajar disuburkan dan mengelak sesuatu yang boleh menimbulkan persengketaan. Perkara-perkara yang bersifat kontroversi sangat mudah mendatangkan reaksi dan salah faham malah berpotensi mencetuskan suasana konfrontasi.

Pertingkatkan minda yang positif untuk mencapai keputusan dan kata sepakat tanpa menjejaskan keharmonian insan dan perpaduan. Yakinkan bahawa perpaduan 1Ummah akan dicapai melalui sifat persefahaman dan saling menghormati di antara satu sama lain.

Minda yang positif dan kata sepakat membawa keharmonian dan perpaduan.

Budaya ilmu yang merupakan salah satu nilai aspirasi 1Malaysia merupakan teras kepada pembangunan manusia. Dalam konteks ini, penekanan budaya ilmu menunjukkan Islam sangat menitikberatkan kepada kemajuan dan penghayatan ilmu

pengetahuan. Ianya telah mencipta tamadun besar yang telah memberi impak amat bernilai terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan kesejahteraan dunia serta umat sejagat.

Semoga perjumpaan kita pada hari ini merupakan langkah baru ke arah mempertingkatkan dan memantapkan lagi jalinan dan rangkaian kerjasama di antara ulama' dan umara' di semua agensi pusat dan negeri bagi mencapai kecemerlangan serta kesejahteraan masyarakat dan negara. Seterusnya matlamat negara kearah melahirkan 1Ummah yang dinamik dan progresif dapat direalisasikan.

Jelaslah peranan kita semua amat diperlukan untuk membina kekuatan dan mengangkasakan umat sebagai *Khaira' Ummah*, iaitu umat terbaik yang hidup bersatu padu dan mampu menakhoda zaman di bawah kesepakatan gagasan 1Malaysia 1Ummah.

Kembalikanlah kaedah rundingan dan berdialog secara harmoni antara pihak-pihak yang terlibat dalam setiap isu yang berkaitan. Pertingkatkan minda yang positif untuk mencapai keputusan dan kata sepakat tanpa menjejaskan keharmonian insan dan perpaduan. Yakinlah bahawa perpaduan 1Ummah akan dicapai melalui sifat persefahaman dan saling menghormati di antara satu sama lain.

Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Ulama' Dan Umara' Serta
Pelancaran Logo Baru Agensi Agama Dan Persekutuan Dan Negeri
Putrajaya
5 Februari 2010



‘Perpaduan nasional
membawa kita bergerak
dalam satu keluarga yang
besar menuju matlamat
yang sama.’

Saya tidak mahu gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dianggap sebagai satu slogan, satu retorik sahaja tetapi sebenarnya membawa pengertian yang amat mendalam dari segi dasar, pendekatan dan juga perubahan yang hendak dilakukan oleh kerajaan.

Gagasan 1Malaysia ini merupakan satu prakarsa, satu usaha yang murni bagi memacu perpaduan nasional. Perpaduan nasional membawa kepada kestabilan. Perpaduan nasional membawa kepada kita bergerak dalam satu keluarga yang besar, menuju kepada matlamat yang sama.

“Rakyat didahulukan” ini kerana saya hendak kerajaan kita ini dilihat sebagai kerajaan untuk rakyat kerana rakyat, *The people’s government: it’s not a government for big business, big corporation; it’s the government for the people* dan inilah yang kita mesti terjemahkan dalam bentuk dasar kita, program kita, peruntukan kita dan “Pencapaian diutamakan” kerana kalau tidak, rakyat akan bersikap sinis, umum satu dasar, umum satu program tetapi perlaksanaannya masih timbul banyak persoalan.

Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Dan Cintailah Negara Kita
Jabatan Perdana Menteri
8 Februari 2010

I believe that the values, the vision and the commitment behind 1Malaysia will be vital to the long-term strength of Malaysia. Business cannot succeed and economies cannot be strong when our society is divided. We will not succeed in the new global era if we do not extend

opportunity to all according to their needs and look to utilise the talents of all our people, not just some.

National Chamber Of Commerce And Industry Of Malaysia (NCCIM) Dinner
Kuala Lumpur
12 February 2010

I have come here to listen to you directly and I share your concerns. You may be a small community but you have a big heart and are very successful in your endeavours. I thank you for coming here and I am very humbled by your warm reception and kind hospitality. I love the *ubi kayu rebus* (boiled tapioca) eating it with grated coconut and sugar and *teh O kosong* (tea without sugar) is very good. Thank you and from my observation from the various walkabouts, I am very happy that the people are strongly supporting the various socioeconomic programmes.

Najib's RM7 Million Jetty Gift For Tsunami-Hit Village
New Straits Times
17 February 2010

Kekuatan dan kesepakatan rakyat adalah kunci bagi mengatasi apa saja kemelut termasuklah krisis ekonomi yang melanda negara kita.

Kekuatan dan kesepakatan rakyat adalah kunci bagi mengatasi apa saja kemelut termasuklah krisis ekonomi yang melanda negara kita.

Negara Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang membenarkan sistem pendidikan pelbagai aliran. Itulah uniknya Malaysia berbanding negara lain yang

patut kita banggakan. Jika dilihat dari sudut positif, sistem pelbagai aliran ini menterjemahkan keunikan negara kita yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Walaupun setiap agama mempunyai perbezaan yang mendasar antara satu sama lain dari segi konsep keutuhan dan kepercayaan, namun itu bukan alasan untuk kita tidak bersatu padu. Sebenarnya banyak nilai-nilai bersama (*shared values*) yang terkandung dalam ajaran setiap agama boleh kita gunakan untuk memupuk keharmonian dan perpaduan kaum.

Saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya kaum Melayu, India dan Cina mengambil inisiatif mempelajari bahasa-bahasa utama kaum di negara ini di masa lapang atau kelas-kelas tambahan. Saya yakin dengan memahami bahasa rakan kita daripada kaum lain dapat memupuk semangat setiakawan yang lebih kuat.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2010
Klang
20 Februari 2010

Strength is achieved through unity. Unity can only be achieved through respect and understanding of others. That includes their religious rights, cultural heritage and their way of life. As I have said before, be it residents living in condominiums in the Klang Valley or the longhouses in Saratok, I will be the Prime Minister for all, and I will make sure no one is left behind.

Najib's RM137 Million Aid Wakes Up Sleepy Town
New Straits Times
23 February 2010

Kita perlu merangsang semua rakyat Malaysia supaya mencintai negara ini ke arah sebuah Malaysia yang bersatu. Secara sedar, semua mesti bekerja dengan penuh perasaan dan kesempurnaan serta komitmen bagi apa yang terbaik untuk kita. Apa yang terbaik bagi Malaysia, kita mesti berusaha dan kita perlu menjadikan impian itu tercapai.

Amalkan Nilai-Nilai 1Malaysia Untuk Lahirkan Sebuah Negara
Yang Benar-Benar Bersatu-Padu
Bernama
28 Februari 2010

Rakyat Malaysia perlu berubah dari mendefinisikan diri mereka berasaskan perbezaan yang wujud kepada mencari kesamaan yang ada.

Insya-Allah jika lapan tonggak perdana ini dijunjung dan dipegang erat, ia akan memandu para penjawat awam, rakyat dan negara ke arah masa depan yang kita cita-citakan bersama. Janganlah ada budaya dan mentaliti keterpisahan antara penjawat awam dan rakyat yang selama ini hanya dianggap kelayan (*client*) atau pelanggan.

Saya mahukan penjawat awam dan rakyat yang dikhidmati menjadi sebagai satu keluarga besar. Dalam erti kata lain, khidmat yang diberi hendaklah mencerminkan kesungguhan seperti mana kita ingin memberi yang terbaik kepada keluarga sendiri. Pasti nanti laungan “Rakyat Didahulukan” tiba pada maknanya.

Demi menjelmakan sebuah kerajaan yang mengutamakan prestasi berpaksikan keutamaan rakyat, Rakyat Didahulukan akan merentasi seluruh lapisan masyarakat



‘Sikap toleransi sumber
kekuatan bukan
punca kelemahan.’

dan kumpulan etnik di setiap pelosok tanah air. Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
 Putrajaya
 9 Mac 2010

Kerajaan dan golongan korporat merupakan rakan kongsi dalam usaha ke arah pembentukan negara yang lebih berpadu, harmoni dan makmur seiring dengan matlamat 1Malaysia. Namun begitu apa yang penting kita perlu membuat perubahan sama ada dalam bentuk pendekatan mahupun pemikiran sekiranya kita mahu mencapai objektif tersebut. Walaupun ia mungkin sukar dicapai dan mengambil masa, ia pasti akan membuahkan hasil dalam jangka masa panjang.

Sektor Korporat Boleh Bantu Kerajaan Sediakan Banyak Kemudahan
 Utusan Malaysia
 9 Mac 2010

On occasion and where relevant, one should be there at the site of implementation to understand the needs of the rakyat.

One of the highlights I look forward to most is meeting and interacting with a variety of Malaysians from all parts of the country, observing their cultural activities and how they live or work, and joining them for a meal and a drink. My regular walkabouts allow me to do precisely that. My walkabouts involve visiting communities and engaging informally with members



‘Kita harus membina
Malaysia di mana
semua anak-anak kita
mempunyai peluang untuk
mengoptimumkan potensi
masa depan mereka.’

of the public. I find this a special opportunity to listen to Malaysians from diverse cultural and socioeconomic backgrounds, and learn about their interests and concerns. In turn, I am keen to share with locals my perspective on the issues that affect them and what the Government is doing to enhance their living.

I encourage all Government ministers and senior officers to join me or embark on their own walkabouts. Let us not just delegate our roles and responsibilities. On occasion and where relevant, one should be there at the site of implementation to understand the needs of the *rakyat*. There are few better ways to connect with the *rakyat* and obtain real and actual views on matters of health, education, transport and so forth. I would also love to see organisations of various races combining forces to assist our communities.

www.1malaysia.com.my
(Accessed on 24 March 2010)

Penghalang kepada perpaduan nasional yang sempurna adalah kebimbangan dan ketakutan antara satu sama lain disebabkan prasangka serta prejudis. Semua rakyat Malaysia seharusnya ikhlas dalam menangani prasangka dan prejudis ini kerana ia boleh membawa risiko menzalimi yang lain. Janganlah kita terus berpegang kepada prasangka dan prejudis tanpa mengetahui kebenaran yang pasti. Marilah kita bergerak daripada mendefinisikan identiti kita berasaskan perbezaan yang wujud kepada mencari titik persamaan.



‘Janganlah ada budaya dan mentaliti keterpisahan antara penjawat awam dan rakyat.’

Janganlah kita terus berpegang kepada prasangka dan prejudis tanpa mengetahui kebenaran yang pasti.

Gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” adalah satu falsafah induk yang merentas dasar dan pelaksanaan kerana matlamat akhirnya adalah perpaduan nasional. Tahap terendah perpaduan nasional ialah sikap toleransi terhadap perbezaan yang wujud, tahap kedua adalah

penerimaan sepenuhnya terhadap perbezaan yang ada, manakala tahap ketiga yang juga tahap tertinggi adalah meraikan perbezaan itu. Pada tahap ketiga itu, perbezaan bukan lagi punca persengketaan, tetapi sumber kekuatan.

Transformasi kerajaan pula bertujuan menjadikan kerajaan lebih responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada denyut nadi rakyat. MEB dan Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan dua inisiatif ekonomi bagi memeta hala tuju jangka panjang, sederhana dan jangka pendek.

1Malaysia Kini Jadi Gerakan Massa
www.1malaysia.com.my
(Akses pada 24 Mac 2010)

Era ‘Kerajaan tahu segalanya’ telah berakhir. Rakyat – dan golongan-golongan seperti pemimpin perniagaan dan pelabur – ingin serta layak untuk melibatkan diri dalam proses pembuatan polisi. Kita perlu membangunkan pendekatan yang lebih konsultatif dalam melibatkan pihak berkepentingan paling utama. Hanya melalui proses tersebut,



‘Kita tidak akan berhenti
melakukan perubahan
selagi rakyat tidak
merasai, menyentuh dan
mengalaminya sendiri.’

kita boleh meluaskan pandangan, mencabar pemikiran sedia ada dan membantu membina ketelusan dan keterbukaan semua ke arah yang betul.

Ucaptama Di Persidangan *Invest Malaysia* 2010
Kuala Lumpur
27 Mac 2010

Proses pembaharuan tidaklah mudah dan tentunya akan mengalami kesukaran. Namun, bagi membina kekuatan jangka panjang negara, kita tidak boleh berterusan membelakangi isu ini. Jika kita benar-benar mahu menyelesaikan isu ketidaksamarataan dan menjadi contoh di rantau ini, kita perlu bertindak segera untuk melakukan perubahan.

MEB Tunjang Ekonomi Rakyat
Utusan Malaysia
31 Mac 2010

Jika kita benar-benar hendak berkhidmat kepada rakyat, kita harus tahu masalah yang dihadapi mereka. Kita perlu memahami setiap masalah, halangan dan kesukaran yang dihadapi rakyat. Hanya selepas itu kita boleh mengambil langkah-langkah wajar untuk mengatasi pelbagai masalah ini.

Cara Perdana Menteri Mendekati Jiwa Rakyat
Mstar Online
1 April 2010

For the GST and certain things, we are receptive to feedback from the public. If we think that something that we want to do does not have the all-round support for it, we are prepared to review it. People may label us



‘Kita sedang mengota
apa yang dijanjikan,
bahkan, akan berusaha
membuat lebih daripada
ini sebagai kerajaan yang
menjuarai kebajikan.’

as making a u-turn but in effect we are quite sensitive to the views and needs of the people. This is because I have always said “People First”, remember? If the people are not ready to accept something, we will defer it or cancel it once and for all but that does not mean it is because we are buckling down to pressure. It is just that it is all about the people. It is the people’s government. I am stressing a lot that this is the people’s government.

1 Year On Level 5
New Straits Times
4 April 2010

Gagasan 1Malaysia bukan retorik politik atau pun slogan. Prinsip utama yang menjadi asas kepada 1Malaysia ialah perubahan daripada segi *mindset* kita iaitu bermula dengan soal toleransi (*tolerance*). Maknanya kita bertoleransi, menerima pada peringkat minimum. Selepas itu kita terima dengan *acceptance*, yang bermakna cara kita menerima sesuatu itu sebagai satu yang baik. Yang ketiga, iaitu kemuncak kepada segala-galanya ialah apabila kita dapat meraikan kepelbagaian itu sebagai satu aset kepada negara, sebagai satu kekuatan kepada negara.

Kita tidak sepatutnya terlalu taksub dengan satu pandangan tetapi biarlah kita melihat dengan cara yang akan memberikan perasaan bersatu sebagai satu negara dan satu masyarakat. Afirmatif tetap kekal kerana kedudukan Bumiputera yang masih tidak mencapai taraf yang sepatutnya, yang bermakna kita harus meneruskan tetapi pada masa yang sama memperbetulkan kelemahan.

Setahun Di Aras 5
Utusan Malaysia
5 April 2010



**‘Rakyat adalah pengadil
utama bagi menentukan
kejayaan KPI.’**

Tiang Utama Kedua
Program Transformasi Kerajaan

Bagi mencapai cita-cita jangka panjang negara, kita bukan saja memerlukan pembaharuan polisi tetapi pembaharuan politik dan institusi juga penting. Ini akan menjadi prinsip teras kerajaan saya, pemerintahan yang mencerminkan segala nilai terbaik, keupayaan dan kekuatan bagi pemimpin kita dan rakyat kita.

Kita perlu memperbaharui demokrasi kita bagi memastikan institusi kita dan penjawat awam bersedia bekerja untuk memenuhi permintaan rakyat selain bekerja bagi kepentingan umum dan bukan kerana kepentingan politik.

Kita secara bersama-sama perlu mendirikan satu hala tuju baru yang penuh telus dan bertanggungjawab. Kita perlu berkhidmat kepada semua, dan bukan segelintir saja serta menghormati dan bersikap adil kepada pendapat umum.

Konsep Satu Malaysia Untuk Kemakmuran
Berita Harian
7 April 2009

Saya percaya Jemaah Menteri sedar bahawa masa depan kerajaan bergantung kepada pencapaian mereka berdasarkan KPI dan mereka tahu bahawa mereka mesti mengambil serius apa yang perlu dilakukan. Saya yakin mereka mampu melaksanakan tanggungjawab dan dengan sistem KPI ini saya percaya prestasi dan pencapaian kerajaan akan lebih baik dan lebih berkesan lagi.

KPI Menteri Mula Dilaksana November
Berita Harian
16 April 2009



‘Kita mahu Kerajaan
lebih responsif terhadap
aspirasi dan lebih prihatin
kepada denyut
nadi rakyat.’

Key Performance Indicator (KPI) ini bukan alat atau kaedah untuk menghukum atau mendera kakitangan awam tetapi sebagai kayu ukur yang objektif terhadap tahap penyampaian.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kespuluh (MAPPA X)
Putrajaya
28 April 2009

Kadang-kala dalam rutin kerja, kita lupa sebenarnya analisis akhir ditentukan oleh rakyat. Di sebalik KPI, saya sebenarnya mengajak anda semua untuk sentiasa ingat bahawa penanda aras muktamad ialah memberikan kepuasan hati rakyat sama ada dari segi perkhidmatan, usaha menambah kekayaan dan menyelesaikan masalah.

PM: Wujudkan Ikatan Janji Setia
Utusan Malaysia
5 Mei 2009

KPI nasional ini akan memberi tekanan kepada semua anggota pentadbiran kerajaan untuk melakukan yang terbaik supaya rakyat tidak lagi melihat gagasan 1Malaysia sebagai sesuatu yang retorik semata-mata.

Najib Ajak Rakyat Bantu Jayakan 1Malaysia
Berita Harian
13 Mei 2009

We need to make fundamental changes in strategies as well as mindset.



We do not need mere
seat warmers, we need
actual doers.

Our regulatory framework is internationally benchmarked and has been assessed to be of international standard by expert external assessors. We have attracted leading international firms in broking, fund management and Islamic finance to establish operations in Malaysia.

The government is committed to contribute its part through listing more of its entities and assets to ensure more significant listings and to provide domestic and international investors more opportunities to invest in the Malaysian economy.

Government-Linked Companies (GLCs) and corridor development going forward will involve a judicious combination of continuity and change.

The continued drive for high performance is critical to ensure that Malaysia is able to unlock its full growth potential.

The Government is confident that GLCs will play a complementary role with the private sector towards fully unleashing the dynamism of Malaysia Inc. and enhancing the competitiveness of the country.

There should be no doubt that Malaysia welcomes foreign and local investors and participants.

Keynote Address At Invest Malaysia Conference 2009
Kuala Lumpur
30 June 2009



‘Let us serve with
extraordinary commitment
and dedication, to deliver
our promises to the
people and take Malaysia
to greater heights.’

Tujuan saya mewujudkan KPI bagi anggota pentadbiran dan anggota perkhidmatan awam ini adalah untuk memastikan terdapat garis panduan jelas kepada kedua-dua penggubal dan pelaksana dasar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Ia juga menyediakan landasan yang jelas kepada rakyat untuk menilai prestasi mereka. Saya percaya langkah ini akan dapat mengukuhkan prinsip kebertanggungjawaban.

Sempena “100 Hari YAB Dato’ Sri Mohd Najib Bersama Rakyat”
Kuala Lumpur
11 Julai 2009

Rakyat adalah pengadil utama bagi menentukan kejayaan RKPI. Kita tahu risikonya bagi Perdana Menteri dan Menteri bila memperkenalkan KPI. Ini yang rakyat mahu atas gagasan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.” Ini bukan retorik.

Najib Minta Rakyat Beri Sokongan
Berita Harian
13 Julai 2009

KPI merupakan satu amalan penting dalam pengurusan prestasi untuk menilai dan mengukur sasaran yang ditetapkan oleh sesuatu organisasi seperti kementerian atau agensi kerajaan secara objektif. Dengan adanya KPI ini, maka segala prosedur akan diperkemas, segala sumber dan tenaga dalam organisasi akan digembleng dan segala usaha akan ditumpu untuk mencapai sasaran yang dipateri dalam satu tempoh masa munasabah yang dijanjikan.

KPI adalah kaedah terbaik Malaysia untuk bergerak ke hadapan secara progresif bagi merealisasikan masa depan yang lebih cemerlang.

Kita komited melakukan proses transformasi melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran KPI. Ini semua dilakukan bagi memastikan pada analisa akhir rakyatlah yang akan memperoleh faedahnya.

Kepimpinan negara di bawah panji pentadbiran kini akan membawa pendekatan baru, bagi menempa sebuah zaman baru dan bakal menjelmakan pula sebuah kerajaan yang mengutamakan pencapaian berpaksikan kepentingan rakyat.

Majlis Perhimpunan YAB Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran Dan
Penjawat Awam Serta *GLC*
Putrajaya
27 Julai 2009

We are very committed in carrying out the GTP as our main government agenda is based on the 1Malaysia approach and philosophy of “People First, Performance Now”.

Putting The People First
The Star
14 December 2009

**The day and
age where
government
knows all and
knows best is
long over.**



‘The Government
Transformation
Programme will transform
the nation by making
bold leaps.’

To make the government transformation programme public proves that the government is transparent and committed and that we are serious about achieving what we have set for the people.

The government transformation programme via the NKRA is actually historic. This is the first time that the government is doing it concertedly and comprehensively. Secondly, it is prepared to open it to the public for assessment.

All The Facts On NKRA, Malaysia Out This Week
New Straits Times
14 December 2009

Jika kita ingin berada di hadapan keluk kemakmuran, maka kita harus berani dan tegas bagi melaksanakan perubahan dan pembaharuan. Pengorbanan pula perlu untuk meningkatkan produktiviti, daya saing serta menguasai kemahiran baru.

Kesegeraan utama Kerajaan adalah untuk mengembalikan negara ke landasan pertumbuhan ekonomi yang optimum. Ini telahpun kita lakukan melalui pengambilan langkah-langkah konkrit seperti suntikan *stimulus* berjumlah RM67 bilion, pembentangan bajet tambahan, liberalisasi sektor terpilih, mencipta pekerjaan, menyediakan perumahan yang selesa, menambahbaik khidmat pengangkutan awam dan penstrukturan semula subsidi.

Perutusan Sempena Tahun Baru 2010
RTM
1 Januari 2010



‘Kerajaan perlu bersifat
sebagai pemudahcara
dan bukannya mengetahui
segala-galanya.’

Rakyat amat memerlukan satu bentuk gagasan seperti Program Transformasi Kerajaan yang boleh dijadikan momentum ke arah meningkatkan taraf kehidupan mereka. Program Transformasi Kerajaan merupakan sebahagian daripada agenda kita untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi dan ia sebenarnya merupakan kesimpulan daripada hasrat dan jangkaan rakyat.

Sebagai kerajaan yang telus dengan berlandaskan prinsip kebertanggungjawaban kita tidak akan berhenti daripada melakukan perubahan selagi rakyat tidak merasai, menyentuh dan mengalaminya sendiri. Namun, usaha ini sudah pasti akan dinilai oleh rakyat sama ada kita benar-benar menunaikan janji atau sebaliknya. Ada risikonya dan sebagai kerajaan bertanggungjawab kita reda ditentukan oleh rakyat apabila tiba masanya.

Kita telah memaklumkan kepada rakyat mengenai enam NKRA. Dalam hal ini, rakyat pasti akan melihat apa pencapaian kita. Berapa kilometer jalan telah dibuat, berapa jumlah murid prasekolah, berapa jumlah golongan miskin tegar yang berjaya kita bebaskan. Bagaimana dengan penurunan kadar jenayah, berapa orang yang menggunakan pengangkutan awam dan bagaimana pula dengan komitmen kita memerangi rasuah. Ini semua akan dinilai oleh rakyat.

Mengubah kerajaan bukan perkara mudah dan antaranya terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan serta halangan seperti sasaran tidak tercapai, inisiatif tidak mendatangkan hasil selain penolakan daripada masyarakat. Malah kita perlu bersedia untuk berhadapan dengan keadaan



‘A facilitative business and regulatory environment is required, together with a New Economic Model to transform the nation towards a sustainable trajectory of higher growth.’

yang lebih merosot atau seolah-olah semakin merosot sebelum ia menjadi lebih baik. Walaupun ada cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan, kerajaan akan tetap bertahan dan berusaha mencapai matlamat.

Landskap Baru Sosioekonomi Negara
Utusan Malaysia
29 Januari 2010

Ketelusan kerajaan terbukti dengan kesediaan mendedahkan Laporan Tahunan Pelan Hala Tuju GTP yang boleh dilihat sendiri rakyat bagi menilai prestasi pentadbiran kerajaan. Pelaksanaan GTP dan NKRA adalah metodologi baru diperkenalkan kerajaan seiring pertukaran persekitaran.

Bagi memastikan kejayaan berterusan, kita harus perlu berada di depan keluk perubahan dan pembangunan. Jika berjaya dengan pelan ini, bermakna Malaysia sudah melakukan perubahan besar dan sekali lagi kita berada di hadapan keluk perubahan. Untuk memastikan semua pendekatan dalam transformasi kerajaan itu dapat direalisasikan sepenuhnya, kerjasama semua pihak, khususnya penjawat awam adalah prasyarat utama.

PM Tekad Terus Lakukan Perubahan
Berita Harian
29 Januari 2010

Kerajaan bukan sekadar membuat omongan dan janji-janji kosong. Kita telah merencana yang terbaik untuk rakyat, kita telah mendahulu dan mempertamakan kehendak rakyat, hakikatnya kita sedang mengota apa yang dijanjikan, bahkan, akan berusaha membuat lebih daripada ini sebagai sebuah kerajaan yang menjuarai kebajikan serta periuk nasi rakyat.

Pembentangan Bajet 2010
Parlimen
23 Oktober 2009

We must reshape our mindset to draw on talented people across our nation, regardless of their position or background, to re-energise our passion to make a difference for Malaysia. With this new outlook, and together with determination, fortitude and courage, I truly believe that we can take Malaysia to far greater heights than we ever thought possible.

Official Opening Of 1MDB Corporate Head Office
Kuala Lumpur
11 January 2010



‘It must provide incentives
for those who “have a
lot” and yet be fair
to those who
“have a little”.’

While the Government continues to carefully manage our international economic linkages, I also call on the NCCIM and trade organisations to help bring a greater awareness and understanding of global challenges and opportunities to the business community and to society at large. The Tenth Malaysian Plan recognises this and is based on a growth trajectory driven by the private sector. I strongly stress upon the business community to understand the implications of a more integrated regional economy and to seriously look into the matter – the changes a Malaysian company must make to remain competitive in this current economic landscape.

National Chamber Of Commerce And Industry Of Malaysia (NCCIM) Dinner
Kuala Lumpur
12 February 2010

Malaysia certainly has all the inherent ingredients to be successful such as growing accessibility, competitive pricing, new leading edge infrastructure, multicultural attractions and professional expertise. To remain competitive, we need collaborative efforts between government and industry to bid for and secure major events, and in facilitating successful events when they are being hosted in Malaysia.

Grand Opening Of Borneo Convention Centre
Kuching
2 March 2010



‘Innovation boosts national competitiveness.’

Nilai Asas Pelengkap Pertama

Membudayakan Kreativiti Dan Inovasi

Kita juga boleh mendapatkan bakat global, kerana untuk menjadi negara inovatif, kita harus membuatkan bakat global untuk memilih Malaysia.

Setahun Di Aras 5
Utusan Malaysia
5 April 2010

Saya juga mengingatkan, bahawa rakyat hari ini mengharapkan pendekatan yang berbeza. Kita tidak perlu kepada pendekatan yang terlalu mementingkan luaran (*ritual*) atau pun kedudukan kita sebagai anggota pentadbiran. Tetapi kita mesti sensitif dengan pandangan rakyat dalam apa juga yang kita lakukan.

Bumiputera Tetap Dibantu
Utusan Malaysia
16 April 2009

Ukuran produktiviti secara konvensional hanya memberikan kita penambahbaikan secara bertokok (*incremental*), manakala jika digabungkan produktiviti dengan kreativiti dan inovasi, ia akan memberikan kita penambahbaikan secara anjakan berganda (*quantum leap*).

Idea-idea baru tidak harus dilihat dengan penuh syak wasangka atau dibakulsampahkan hanya semata-mata ianya tidak konvensional. Untuk menjadikan perkhidmatan awam Malaysia sebagai tanda aras kecemerlangan peringkat global maka budaya pemikiran di luar kotak kebiasaan perlu menjadi norma harian dan rutin bukannya kepelikan.

Kita harus mengubah kerangka minda, strategi dan kaedah bekerja jika kita ingin memanfaatkan fenomena yang ada. Sesungguhnya *extraordinary times require extraordinary measures*.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh (MAPPA X)
Putrajaya
28 April 2009

Kita mungkin dapat menonjolkan Malaysia sebagai negara yang berjaya kalau kita dapat membudayakan pemikiran inovatif dan kreatif.

PM: Wujudkan Ikatan Janji Setia
Utusan Malaysia
5 Mei 2009

Apabila ada adunan inovasi dan kreativiti, maka kita dapat lonjakan berganda dari segi pencapaian negara, bukan saja peningkatan dalam prestasi.

Rakyat Petunjuk Utama KPI
Berita Harian
5 Mei 2009

Facilitate the Malaysian capital market industry to attain higher competitiveness by rapidly expanding the range of choice and quality of offerings that is available to customers.

I have every confidence in their ability to raise the bar and compete effectively. The pie must expand. There is no point in having a larger share of a shrinking pie.



‘Thinking outside the box is never enough as there has to be execution to translate creativity and innovation into action.’

There are still opportunities for domestic stock broking companies to form new partnerships, facilitate the expansion of business domestically and internationally as well as to promote more product innovation and expand the range of skill sets and capabilities.

We now face intense competition, particularly globally for capital, talent, knowledge and resources. The world is changing quickly and we must be ready to change with it or risk being left behind. We will systematically foster innovation as a key driver of value add and promote higher value add sources of growth such as private education, health tourism, Islamic finance, ICT, creative industries and biotechnology.

Keynote Address At Invest Malaysia Conference 2009
Kuala Lumpur
30 June 2009

Seperkara yang menjadi cap kempa atau *hallmark* cara Malaysia ialah kita tidak pernah bimbang atau gusar untuk bersikap *non-conventional*, bereksperimen menggunakan kaedah baru, sekalipun berfikir di luar kotak pemikiran yang lazim.

Majlis Perhimpunan YAB Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran Dan
Penjawat Awam Serta GLC
Putrajaya
27 Julai 2009



‘There is no point in having a larger share of a shrinking pie. The pie therefore must be expanded.’

We are investing in education and a skilled workforce of the future; seeking to adapt in areas where we are strong to capture a greater share of the value; creating a climate for innovation and investment that recognises the importance of private sector creativity; and increasing the integration of our services sector with regional and global economies.

6th Annual Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF 2009)
Kuala Lumpur
3 November 2009

Merintis jalan ke hadapan bererti mewujudkan ekonomi yang berteraskan pengetahuan yang digerakkan oleh daya kreativiti, inovasi serta nilai tambah yang tinggi.

Saya yakin bahawa dengan wujudnya sintesis di antara kerajaan dan rakyat, kita akan mendapat idea-idea yang tersaring untuk menambah baik apa yang ada.

Perutusan Sempena Tahun Baru 2010
Putrajaya
1 Januari 2010

Kita mahu menjadikan Malaysia sebuah negara yang inovatif dalam pelbagai sektor yang bermula daripada proses pendidikan. Elemen kreativiti dan inovasi akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih dinamik dan menarik kepada pelajar. Pelajar kini lebih terbuka minda kerana mereka boleh mengakses



‘The world is changing quickly and we must be ready to change with it or risk being left behind.’

maklumat tanpa had. Jika dalam kurikulum tidak ada elemen kreativiti dan inovasi, mereka akan jemu untuk belajar.

Kreativiti, Inovasi Jadi Teras
Utusan Malaysia
4 Januari 2010

We need to view human capital in a more holistic and comprehensive manner. Employers, both public and private, must also provide opportunities for their employees to acquire skills and core competencies. We cannot merely seek command and control armies of order-takers. We must encourage creators, entrepreneurs and innovators at every level.

PM: Malaysia Needs More Intangible Assets
The Star
9 January 2010

**You must be bold
and daring to
be innovative, to
break new ground
and to do things
differently.**

Thinking outside the box is never enough as there has to be execution to translate creativity and innovation into action. You must be bold and daring to be innovative, to break new ground and to do things differently. We need to learn to do things differently to prepare

ourselves for the new dynamics shaping global demands for ideas, talent and high value creation.

I hope that it could signify the opening of minds to new ideas, and approaches based on performance, creativity and

innovation that we must embrace, in order to successfully confront the many challenges that lie before us as a nation.

Official Opening Of 1MDB Corporate Head Office
Kuala Lumpur
11 January 2010

If our environment changes, our methodology must change - new environment, new methodology. Let it not be a new environment with the old methodology.

Launching Of 1Malaysia Government Transformation Program Roadmap
Kuala Lumpur
28 January 2010

Inovasi merupakan agenda utama negara. Kerajaan akan mentransformasikan Malaysia melalui proses inovasi yang menyeluruh, merangkumi inovasi tadbir urus dalam sektor awam dan swasta, inovasi dalam kemasyarakatan (*societal innovation*), inovasi bandar, inovasi desa, inovasi korporat, inovasi industri, inovasi pendidikan, inovasi penjagaan kesihatan, inovasi pengangkutan, inovasi jaringan keselamatan sosial dan inovasi penjenamaan.

Kerajaan amat komited dan serius untuk melakukan *total innovation* untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih maju - *Innovative Leadership for 1United, Innovative Malaysia*.

Maka para ulama' harus tuntas mentransformasi dan memahami secara mendalam pengertian terminologi yang berkaitan dengan politik antarabangsa, serantau dan



‘Adunan inovasi dan kreativiti menghasilkan lonjakan berganda prestasi dan pencapaian negara.’

peringkat nasional seperti globalisasi, neo-kolonialisme atau imperialisme dan skala pengaruh gerakan tersebut terhadap akidah, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi umat. Tanpa kefahaman yang mendalam menyebabkan segala usaha kita menghadapi cabaran ini akan gagal atau kurang berkesan.

Mulakan langkah transformasi dengan mengadakan perancangan program yang lebih inovatif, dinamik, berdimensi baru, lebih segar dan bernafas baru. Anjakkan minda inovasi kita dengan melaksanakan program yang dapat menarik golongan muda mendekati Islam dan mampu mengamalkannya dengan ajaran Islam yang sebenar.

Apabila kita merasakan diri kita tidak mampu lagi berubah, bermakna kita akan ketinggalan, sekaligus akan terlepas peluang untuk menjadi pemangkin dan penakhoda zaman.

Sememangnya banyak inisiatif baru memerlukan perubahan. Kita perlu berubah untuk menjadi bangsa inovasi dan mampu menjadi juara peringkat global. Kita juga perlu berubah menjadi warga organisasi yang lebih produktif dan inovatif. Hakikatnya kita tidak perlu menunggu tempoh tertentu untuk berubah: akhir tahun atau awal tahun. Kita perlu berubah mulai sekarang.

Apabila kita merasakan diri kita tidak mampu lagi berubah, bermakna kita akan ketinggalan, sekali gus akan terlepas peluang untuk menjadi pemangkin dan penakhoda zaman.

Banyak program direncana untuk membolehkan Model Ekonomi Baru negara dipacu berasaskan kepada kreativiti, inovasi dan nilai tinggi. Selain itu, pelbagai agensi dan seluruh warga Malaysia perlu memahami bahawa langkah kerajaan menjadikan 2010 sebagai Tahun Inovasi mempunyai pengertian lebih luas daripada sekadar slogan, atau azam tahun baru. Inovasi perlu diterjemahkan dalam seluruh aspek kehidupan, sektor dan organisasi untuk membentuk ekosistem inovasi secara berterusan.

Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Ulama' Dan Umara' Serta
Pelancaran Logo Baru Agensi Agama Dan Persekutuan Dan Negeri
Putrajaya
5 Februari 2010

Pemikiran yang kreatif dan inovatif itu amat penting bukan berkaitan dengan sains dan teknologi sahaja, bukan berkaitan dengan sektor swasta sahaja, bukan soal R&D tetapi segala yang kita lakukan, *our thought process*, aliran pemikiran kita mesti bersandar kepada pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Dan Cintailah Negara Kita
Jabatan Perdana Menteri
8 Februari 2010

With regards to creativity, I have also stressed to the government to demonstrate value creation within the government's processes, systems and policies. In addition, the government will also do its part to unleash such creativity and will back those who want to move into new sectors of the economy, through measures such as the Green Technology Financing Programme.



‘Kita perlu berubah
menjadi warga organisasi
yang lebih produktif
dan inovatif.’

The remarkable future that we can achieve together in Malaysia if we spark innovation, bring public and private sector expertise together in the common good, focus on delivery, have the courage to make the right choices for our country, and maintain our commitment to 1Malaysia. We have ambitious plans, but they are developed in the full knowledge that we can meet our goals as a talented, innovative and skilled nation.

National Chamber Of Commerce And Industry Of Malaysia (NCCIM) Dinner
Kuala Lumpur
12 February 2010

Saya amat berharap kita dapat berinovasi bersama untuk membangunkan ekonomi dan taraf hidup masyarakat kita melalui ICT dan jalur lebar. Sebagai contoh, saya teringat lagi semasa video pelancaran Digital Pekan itu ditayangkan, saya tertarik dengan bab video itu di mana seorang anak nelayan menggunakan internet untuk memajukan perniagaan ikan keringnya untuk dijual di luar negara. Walaupun video tersebut hanyalah satu cereka, saya amat berharap ada anak Pahang yang akan merealisasikan cereka itu dan menjadi usahawan ikan kering dan pelbagai produk lagi melalui internet.

Majlis Perasmian Pelancaran Tanjung Agas *Real-Time Broadband*
Pahang
27 Februari 2010

Mahu tidak mahu para penjawat awam mesti berfikir di luar lingkungan kotak. Saya tidak mahu budaya *automation* menjadi satu hakikat kehidupan dalam sektor awam.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
Putrajaya
9 Mac 2010

Countries favouring innovation, such as Japan, Finland and the United States, develop more advanced economies as a result. Innovation creates jobs and boosts national competitiveness. This is why we, too, must make a creative impact in a competitive global economy. We must not allow ourselves to be left behind. A New Economic Model, based on innovation, creativity and high value-added activities, will more than double the per capita income of the *rakyat* over the next 10 years. In support of this is the 1Malaysia concept, or the need to tap into the creative abilities of all Malaysians. As an international expert recognised recently, “1Malaysia fits nicely with innovation. Talent is just not in one culture, it is distributed.”

Aliran pemikiran kita mesti bersandar kepada pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Bagi membudayakan kreativiti dan inovasi, penjawat awam mesti berfikir kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah iaitu dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

www.1malaysia.com.my
(Akses pada 24 Mac 2010)

Peranan institusi pengajian tinggi dalam Model Ekonomi Baru tidak terhad kepada pembinaan generasi yang terpelajar dengan menyediakan program akademik bermutu. Malah peranan tersebut perlu diperluaskan lagi kepada penjanaan ekosistem intelektual subur untuk perkembangan kreativiti dan inovasi, penjanaan nilai tinggi bagi melonjakkan ekonomi Malaysia bersaing menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Untuk tujuan tersebut, pada hemah saya peranan ahli akademik dari pensyarah sehingga profesor menjadi semakin kritikal, sekaligus strategik. Peranan tersebut tidak lagi boleh hanya sekadar memberi kuliah dan melakukan penyelidikan semata-mata. Untuk membolehkan ekosistem intelektual universiti tempatan menyerlah dan menyumbang secara signifikan kepada kemajuan negara, maka peranan ahli akademik, terutamanya mereka yang berjawatan profesor, perlu dikembangkan untuk menjadi pemangkin daya kreativiti dan mendorong inovasi.

Namun dalam keghairahan untuk mendapatkan skim gaji lebih menarik kita jangan sekali-kali alpa bahawa tujuannya adalah untuk memastikan meritokrasi membudaya, sekaligus mengangkasa pengajian tinggi. Ini kerana, mediokriti atau budaya kecincaian adalah barah kepada tradisi ilmu. Dan ini sudah pasti tidak selari dengan hasrat kita membina ekosistem intelektual yang segar dan meriah di universiti

Penjawat awam mesti berfikiran kritis dan konstruktif dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

tempatan, menjadi pelopor inovasi, menjadi penjana nilai tinggi, dan menjadi *paragon of excellence*.

Pelancaran Majlis Profesor Negara
Putrajaya

1 April 2010

Kementerian Kesihatan
Malaysia



**‘Kerja bertanggung tidak
menjadi, kerja beransur
tidak bertahan.’**

Nilai Asas Pelengkap Kedua

Mementingkan Kepantasan Bertindak
Dan Membuat Keputusan

Apa yang paling mustahak ialah saya mahu memastikan agar struktur kerajaan akan memenuhi keperluan rakyat sebaik mungkin. Ia juga sebagai sebuah kerajaan yang diperkemaskini khusus bagi memastikan penyampaian khidmat awam yang lebih berkesan seiring dengan tuntutan zaman baru serba mencabar ini.

Pengumuman Kabinet
Kuala Lumpur
9 April 2009

Kita memerlukan sektor awam yang bukan sahaja memahami realiti semasa tetapi mempunyai kemahuan dan berani membuat perubahan. *We do not need mere seat warmers, we need actual doers.*

Anggota perkhidmatan awam adalah merupakan rakan kongsi utama kepada anggota pentadbiran untuk menunaikan komitmen kita kepada rakyat Malaysia dalam memberikan khidmat yang terbaik.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh (MAPPA X)
Putrajaya
28 April 2009

Markets must be subject to stronger oversight and there must be no hesitation in making difficult policy decisions when we see early signs of excesses and irrationality start appearing on the horizon.

We must recognise that there is strong international competition for human capital and must be in a position to fast-track the recruitment process for international talent. The success of such Malaysian champions will help



‘Pembaharuan bukanlah
bersifat *top-down*
sebaliknya melibatkan
gabung jalinan
semua segmen
perkhidmatan awam.’

define the boundaries and reach of Malaysia Inc. in the years to come.

Keynote Address At Invest Malaysia Conference 2009
Kuala Lumpur
30 June 2009

Di antara anggota pentadbiran, penjawat awam dan *Government-Linked Companies* (GLCs) telah wujud satu bentuk pertautan atau *seamless cooperation* sebagai pemangkin kejayaan Malaysia.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kita sentiasa mendengar rintihan serta merasai denyut nadi rakyat. Kita tidak sekali-kali memandang mudah soal kebajikan rakyat. Pokoknya, kita mahu setiap bantuan yang dijanjikan bukan sahaja sampai ke tangan rakyat tetapi tiba pada masa yang tepat.

Jelas sekali kita tidak mempunyai pilihan, sama ada kita bergerak maju ke hadapan dengan penuh yakin atau mengambil risiko untuk ditinggalkan dalam perlumbaan global yang sengit ini.

Majlis Perhimpunan YAB Perdana Menteri Bersama Anggota Pentadbiran
Dan Penjawat Awam Serta GLC
Putrajaya
27 Julai 2009

We need to learn to do things differently to prepare ourselves for the new dynamics shaping global demands for ideas, talent and high value creation. If we don't, I fear Malaysia will be left behind in this rapidly changing world.

In today's highly competitive global economy, we cannot ignore the importance of expediency as a decisive factor. It is imperative that these proposed projects are attended to with the utmost sense of urgency by our relevant agencies.

These are times of "business not as usual". It is, therefore, imperative to able find new ways outside the box to ensure that action will produce results to make good our promise - "People First, Performance Now". I have no doubts that all this, together with your passion for efficiency and speed, will help ensure a full delivery of your promises and intent.

Offical Opening Of 1MDB Corporate Head Office
Kuala Lumpur
11 January 2010

Kerajaan sedar rakyat sudah tidak sabar untuk melihat keberhasilan walaupun sumber yang ada adalah terhadap dan pelbagai idea baru amat diperlukan dan pada masa sama kerajaan tidak mampu mempunyai semua jawapannya. Justeru, suatu kaedah atau enjin transformasi akan digunakan bermula dengan proses pencarian idea terbaik dan kemudian melangkah dengan pantas ke arah pelaksanaannya.

Mentransformasikan Malaysia: Negara Perlu Sepenuh
Komitmen Kepada Program Transformasi Kerajaan
Berita Harian
29 Januari 2010

Kepantasan membuat dasar, kepantasan dari segi *execution* membawa kesan yang amat besar. Ini sebab kepantasan itu ada kaitan dengan *competitiveness of*



‘If Malaysians do not do what is necessary to survive and thrive, and do it faster and better, we run the risk of being left out and left behind by others who will.’

Malaysia. Kita akan dinilai berasaskan kedudukan di “*World Competitiveness Report*”. Kalau Malaysia berada di *top 10*, tentu sekali orang akan lihat kita sudah berada di saf negara yang kemampuannya tinggi dan ini ada kaitan langsung dengan produktiviti. Produktiviti membawa kepada *competitiveness*.

Banyak kejayaan yang telah kita lakukan daripada pengeluaran pasport antarabangsa dari sebulan jadi seminggu, seminggu jadi sehari, sehari jadi dua jam, satu jam pun sekarang ini boleh. Klinik 1Malaysia, dalam masa minggu pertama tahun ini sudah pun berfungsi.

Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Dan Cintailah Negara Kita
Putrajaya
8 Februari 2010

The government wants to serve the people and not big businesses and corporations. They must be the main beneficiary of all programmes, policies and allocations by the government. Let us all serve with extraordinary commitment and dedication, to deliver our promises to the people and to take Malaysia to greater heights.

Focus On Innovation And Speed, Says Najib
The Star
9 February 2010

The third principle I want to touch on is delivery, accountability and performance. This is a concept that must be fully integrated into the government, but I am sure it is a concept that is already familiar to the business community. Indeed, I have been inspired by many of you who focus on maximising the performance of your organisations



‘Today’s increasingly sophisticated *rakyat* is not easily satisfied. We must work hard to meet, if not exceed, their expectations.’

to get the best results possible. This is a new paradigm that I am introducing to government - getting results for the rakyat; "People First; Performance Now."

National Chamber Of Commerce And Industry Of Malaysia (NCCIM) Dinner
Kuala Lumpur
12 February 2010

Mengambil petua orang tua-tua, "kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan." Dalam konteks ini janganlah kita lambatkan apa yang kita boleh selesaikan saat ini kepada detik, minit, jam, hari, minggu, bulan mahupun tahun yang berikutnya.

Pembaharuan yang akan dilakukan ini bukanlah bersifat *top-down* tetapi sebaliknya melibatkan gabung jalin semua segmen perkhidmatan awam bermula dengan pimpinan atasan.

Saya mahukan nilai-nilai kerja bermutu tinggi, kehebatan bertindak, kesungguhan, ketabahan, proaktif dan komitmen jitu sebagai satu pasukan terus disemai, tumbuh, kembang dan mewangi dalam perkhidmatan awam. Itulah tonggak peradaban bangsa yang mampu mencapai kecemerlangan seperti terakam dan tergambar dalam Sejarah Melayu "Belum diseru sudah menyahut, belum dipanggil sudah datang, belum disuruh sudah pergi".

Kita tidak boleh takut mahupun bimbang untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan kerana jika kita mengambil sikap suka melewatkan apa yang perlu diubah dengan segera hanya kerana kita khuatir terhadap kesakitan yang bakal ditempuhi dek



‘Kita harus berani
melaksanakan perubahan
dan pembaharuan.’

kerana rawatan tersebut, maka kita sebenarnya sedang mendedahkan diri untuk ditimpa bencana yang lebih serius.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
Putrajaya
9 Mac 2010

Kita tidak boleh hanya bergantung kepada modal baru untuk menjana pertumbuhan. Sebaliknya kita perlu menggunakan modal ini secara lebih efektif untuk meningkatkan produktiviti, merangsang inovasi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Jika kita tidak bertindak pantas untuk mengenal pasti halangan dan bertindak balas secara efektif terhadap perubahan persekitaran ekonomi, kita akan menghadapi risiko kehilangan daya saing.

Membina Malaysia Lebih Saksama
Berita Harian
31 Mac 2010

My Government needs to deliver and to deliver quickly. This is the message I have emphasised to my Cabinet and to senior government officers. Today's increasingly more sophisticated electorate is not easily satisfied. We must work hard to meet, if not exceed, their expectations.

The Axiata 7th Asean Leadership Forum
Kuala Lumpur
5 April 2010



“Value for money”

Nilai Asas Pelengkap Ketiga

Nilai Untuk Wang

My government is pro-business and market friendly and will facilitate, enhance and make it easier for you to do business here. We have improved the public delivery system and shortened approval processes. Efforts are continuing to make the environment even more business friendly.

1st World HOPO Community Convention
Genting Highlands
10 September 2009

The process of value creation is important in our system so that we can improve programmes and policies that are in place. We need to create value without depending on science and technology, research and development of the private sector. In everything we do, our thought process must be based on creativity and innovation.

Focus On Innovation And Speed, Says Najib
The Star
9 February 2010

We will work towards generating confidence, speedy implementation of projects and encouraging the private sector to invest. This and with higher consumer confidence, we should make this a good year in terms of our economic performance.

PM: Economy Poised To Experience Strong Growth
The Star
25 February 2010



‘Pengurusan nilai perlu
menjadi wahana yakni
alat pengurusan untuk
mencapai nilai
untuk wang.’

Value for money ini bererti bahawa kita boleh mencapai sesuatu matlamat, sesuatu program, projek dengan kos yang lebih rendah tanpa kita tidak mencapai apa yang kita hasratkan dari segi objektif kita. Saya boleh beri satu dua contoh antaranya ialah Klinik 1Malaysia yang ada unsur kreativiti, inovasi sebab ini satu program yang belum lagi dapat kita fikirkan sebelum ini.

Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang Dan Cintailah Negara Kita
Jabatan Perdana Menteri
1 Mac 2010

The 1Malaysia clinics are examples of value for money because the Government spent only RM10 million to build 50 clinics for the *rakyat*. Another good example is the recent *Maulidur Rasul* celebration. When the Government slashed the allocation for the event from RM2.2 million to RM500,000, those responsible found an innovative way to hold the event by hosting it in a mosque. In fact, I feel that despite a smaller budget, the celebration this year was very meaningful.

Public Sector Must Lead
The Star
2 March 2010

Many departments complain and grumble whenever there is a cut in expenditure. But if we adopt a positive attitude, we can find ways to achieve our goals, even with minimal allocations.

Let's Go For 6 Percent Growth
New Straits Times
2 March 2010



‘It is with bold, and not incremental changes that we will get “value for money” decision making.’

Malaysia as we all know, is a great “value for money” destination, in a World Economic Forum ranking Malaysia is placed as the fourth most price competitive country in the world for travel in 2009.

Grand Opening Of Borneo Convention Centre
Kuching
2 March 2010

Pengurusan nilai perlu menjadi wahana yakni alat pengurusan atau *management tool* untuk mencapai nilai untuk wang.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
Putrajaya
9 Mac 2010



**‘Integrity is a key tool
in ensuring promises
are kept and principles
are upheld.’**

Nilai Asas Pelengkap Keempat

Nilai Integriti

Jika kita benar-benar mahu membentuk demokrasi yang bertanggungjawab terhadap keperluan rakyat, kita memerlukan media sama ada media baru atau lama yang akan memperkasakan laporan penuh bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lihat tanpa ada rasa takut akan akibatnya dan untuk memastikan kerajaan dan penjawat awam bertanggungjawab terhadap apa yang mereka capai atau sebaliknya.

Konsep Satu Malaysia Untuk Kemakmuran
Berita Harian
7 April 2009

Kita sedar buat masa ini kita tidak boleh menandingi kelumayan yang ditawarkan oleh sektor swasta kepada saudara-saudari tetapi apa yang kita boleh tawarkan adalah rasa kepuasan berkhidmat demi rakyat dan negara.

Ingatlah bahawa setiap sen dan ringgit yang kita terima akan dipertanggungjawabkan bukan sahaja di dunia ini tetapi juga di akhirat.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh (MAPPA X)
Putrajaya
28 April 2009

Kita perlu telus dan berakauntabiliti, dan bekerja keras untuk mengembalikan keyakinan, kepastian dan daya saing kerajaan. Rakyat mesti percaya dengan apa yang kita lakukan, mendapat kepercayaan rakyat adalah usaha penting kerajaan.

Kejujuran dan integriti adalah sangat mustahak sama ada bagi sektor perbankan, perniagaan atau

Kerajaan. Pemimpin kerajaan dan perniagaan kini perlu berusaha bagi memenuhi kepimpinan beretika yang semakin menjadi tuntutan masyarakat umum ketika ini.

Para pemimpin tanpa mengira peringkat perlu bertindak lebih daripada sekadar seorang yang tiada cacat cela.

Trust is earned when individuals working together develop a clear understanding of each other's role, confident that everyone will deliver as promised without any hidden agenda.

Bank Perlu Bersama Wujud Peluang Pekerjaan
Utusan Malaysia
12 Mei 2009

It is even more necessary to ensure that there are high standards of ethical conduct and practice of good corporate governance.

Keynote Address At Invest Malaysia Conference 2009
Kuala Lumpur
30 June 2009

In these days, trust and integrity is paramount. And trust is earned when individuals working together develop a clear understanding of each other's role, confident that everyone will deliver as promised without any hidden agenda.

Official Opening Of 1MDB Corporate Head Office
Kuala Lumpur
11 January 2010



‘Para pemimpin tanpa mengira peringkat perlu bertindak lebih daripada sekadar seorang yang tiada cacat cela.’

Kerajaan sentiasa bersikap telus dan kita sedar akan prinsip akauntabiliti. Kita akan melakukan tugas secara telus kerana rakyat akan menilai dan membuat penentuan sama ada kita dapat memenuhi janji kita kepada rakyat atau sebaliknya. Dalam sistem demokrasi berparlimen, kalau rakyat buat kesimpulan bahawa kita tidak dapat memenuhi janji kepada mereka, kita sedar akan risikonya. Tetapi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita reda dinilai dan ditentukan oleh rakyat apabila sampai masanya. Ini komitmen ikhlas kita kepada rakyat.

Kerajaan Sasar Enam Bahagian Pelaksanaan GTP
Berita Harian
29 Januari 2010

Pewujudan negara bangsa dapat membina Malaysia yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Ini adalah kerana keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti sesama rakyat.

Peranan dan tanggungjawab ulama' dan umara' terhadap pembangunan negara sudah terbukti semenjak kita mencapai kemerdekaan. Ulama' berperanan dalam memberi penerangan, nasihat, penjelasan dan keputusan, manakala Umara' pula berperanan sebagai agen pelaksana di jabatan, agensi kerajaan bagi mengadakan program-program membina dan membangunkan ummah selaras dengan tuntutan ajaran Islam.



‘Ingatlah bahawa
setiap sen dan ringgit
yang kita terima akan
dipertanggungjawabkan
bukan sahaja di dunia ini
tetapi juga di akhirat.’

Negara kita kaya dengan barisan pemimpin yang dinamik dan warga sektor perkhidmatan awam yang komited dan berintegriti sehingga mencapai tahap pembangunan modal insan yang membanggakan dalam memajukan negara dan masyarakat.

Umara' hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah SWT serta berakhlak mulia dan mempunyai tahap kecergasan yang mencukupi. Para umara' mestilah mempunyai ilmu dan daya pemikiran yang tinggi dan terkehadapan. Sentiasa bersikap tegas dan amanah dalam menjalankan dasar-dasar yang telah dipersetujui, adil dan bertimbang rasa terhadap seluruh rakyat yang dipimpinnya dan mampu menterjemahkan prinsip Islam dalam pentadbiran negara sama ada di peringkat individu atau masyarakat.

Majlis Perjumpaan YAB Perdana Menteri Bersama Ulama' Dan Umara'
Serta Pelancaran Logo Baru Agensi Agama
Dan Persekutuan Dan Negeri
Putrajaya
5 Februari 2010

Sesungguhnya, penjawat awam adalah khadam pemelihara kepentingan awam atau *custodian of public interest*. Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian tidak memiliki integriti maka kepercayaan dan keyakinan rakyat akan hilang.

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesebelas (MAPPA XI)
Putrajaya
9 Mac 2010

I have been introducing through my blog a set of values which I believe are fundamental in shaping us into formidable Malaysians befitting the 1Malaysia vision. Integrity completes this set of eight values, and is a key tool in ensuring promises are kept and principles are upheld. Once we are able to deliver what is promised and be more transparent and open with others, we will have built a solid foundation for trust.

I believe that all eight values of 1Malaysia - a culture of excellence, perseverance, humility, acceptance, loyalty, meritocracy, education, and integrity - are paramount in our collective efforts to add value to Malaysia as a developing nation. No one single value can be imbued without the other in order for 1Malaysia to truly take shape. While these values have long been taught in our culture, the application of these values must be renewed. I urge all Malaysians to

inculcate and cultivate these values in our daily practices and actions not just amongst close friends and family, but in the workplace and our community at large.

Penjawat awam adalah khadam pemeliharaan kepentingan awam atau *custodian of public interest*. Jika tidak memiliki integriti maka kepercayaan dan keyakinan rakyat akan hilang.

www.1malaysia.com.my
(Accessed on 24 March 2010)

Kita perlu menerangkan bahawa apa jua kita buat, kita akan mengambil kira kesesuaian dengan pasaran dan juga sokongan daripada

rakyat. Contohnya, kalau kerajaan ingin memperkenalkan GST (cukai barangan dan perkhidmatan) atau mengurangkan subsidi dan sebagainya, semua ini mesti diterangkan kepada rakyat supaya rakyat dapat menerima perubahan yang akan dilakukan untuk kebaikan ekonomi dan rakyat sendiri.

www.bernama.com.my
(Akses pada 24 Mac 2010)

Kerajaan juga menitikberatkan ketelusan yang tinggi. Sama ada dalam bajet mahupun GTP, di mana ribuan penduduk awam bertindak dalam proses ini. Saya telah mengarahkan laporan ini diterbitkan dan mudah dicapai oleh masyarakat umum. Dengan ini, kita dapat mengumpulkan input dan memberi peluang untuk mereka terlibat sama dalam proses membuat keputusan.

MEB Tunjang Ekonomi Rakyat
Utusan Malaysia
31 Mac 2010